RASMI KERAJAAN BRUNEI AKHBAR

قليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 43 | RABU 26 OKTOBER, 1983. | رابو 19 محرم 1404 | PERCUMA



# BERI PELUANG PENIAGA-PENIAGA TEMPATAN

Oleh: Muhaimin HM

MUARA. — Badan-badan swasta yang terdiri dari peniaga-peniaga tempatan perlu diberi peluang untuk meneroka sesuatu bidang perniagaan yang lebih besar dengan menurut kadar keupayaan masing-masing.

Walaupun Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menggalakkan pelabur-pelabur asing untuk menanam modal di negara ini, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, Pesuruhjaya Tanah mengingatkan pelabur-pelabur berkenaan bahawa Kerajaan mempunyai beberapa dasar yang tertentu antaranya memberi keutamaan latihan dan mendorong anak-anak tempatan mengambil peranan yang aktif dalam bidang pengurusan.

Beliau berucap demikian ketika merasmikan kapal 'Bulan Mashhor' kepunyaan bersama sebuah syarikat tempatan Malai Mashhor General Contractor dengan syarikat luar negeri Jackson Marine Corporation di sini pada hari Sabtu lepas.

Dato Paduka Haji Abdullah berkata Kerajaan begitu menggalakkan penyertaan usahasama niaga antara badan-badan pelabur luar negeri dengan pelabur tempatan kerana peluang tersebut boleh mendatangkan keuntungan kepada kedua-dua pihak dan negara jika digunakan dengan sebaiknya.

(Lihat muka 16)

## MANISNYA IMAN

"YA ALLAH! Peliharakan aku daripada azab yang Engkau timpakan pada hari segenap hamba-Mu Engkau bangkitkan". — HADIS Nabi Riwayat Al-Bazzar.

## YDP Negeri Melaka pulang

BERAKAS. — Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Haji Syed Zahiruddin bin Syed Hassan Al-Haj dan rombongan yang mengadakan lawatan rasmi enam hari ke negara ini telah berlepas pulang pada pagi Rabu 19 Oktober lepas.

Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah telah berangkat untuk mengucapkan selamat belayar kepada rombongan tersebut.

(Lihat muka 16)

## DYMM berangkat tinjau Angkatan Laut

KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang baru-baru ini berkenan berangkat untuk kali keduanya ke Pangkalan Angkatan Laut Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei disambut oleh salah seorang pegawai Askar Wanita yang diperkenalkan oleh Pegawai Pemerintah Angkatan Laut, Y.D.M. Pehin Datu Juragan Laila Diraja Dato Paduka Awang Kifli sebelum Baginda menaiki kapal KDB WASPADA.

Keberangkatan Baginda ke pangkalan itu turut diserikan dengan beberapa pertunjukan gerakan tentera laut yang diperlihatkan oleh anggota-anggota pasukan itu dari kapal-kapal pejuang yang dilengkapi dengan peluru berpandu dan beberapa buah kapal pendarat dan alat pendarat. (Berita lanjut dan gambar-gambar lihat muka 8).

# "Brunei In Progress" orang ramai diminta berhati-hati

ORANG ramai terutama sekali di kalangan perniagaan diminta berhati-hati dalam melayani permintaan sebuah syarikat yang bercadang akan mengeluarkan sebuah penerbitan yang diberi nama "Brunei In Progress" sempena kemerdekaan negara ini.

Syarikat yang beralamat di Singapura itu mendakwa rancangan tersebut dibuat dengan kerjasama perkhidmatan penerangan Brunei, lalu kerana itu ia memperniagakan (commercialise) nama Pejabat Penerangan dan juga kerajaan bagi mempengaruhi kalangan perniagaan untuk membuat iklan dalam penerbitan tersebut.

Pejabat ini ingin menafikan dakwaan pihak syarikat berkenaan itu. Bahkan pada tahun lepas ia telah berjanji akan menghentikan perbuatan membabitkan Pejabat Penerangan dan kerajaan.

Sehubungan dengan itu diketahui memang ada pihak-pihak yang bercadang akan menerbitkan buku atau majalah sempena kemerdekaan negara ini. Jika penerbitannya dibuat dan akan diedarkan dalam negeri mereka hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran kerajaan.

Penerbitan yang dibuat di luar negeri adalah tertakluk kepada undang-undang negeri di mana ia diterbitkan, tetapi pihak yang berkuasa kerajaan boleh menahan kemasukannya dan pengedaran dalam negara ini jika ia didapati tidak sesuai dengan kepentingan negara dan orang ramai.



Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah mengucapkan selamat belayar kepada Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Haji Syed Zahiruddin.

Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

26 OKTOBER, 1983

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## PEMERINTAHAN SENDIRI:

## KITA TIDAK SAHAJA MENIKMATINYA BAHKAN MEMPERGUNAKANNYA DENGAN BIJAK

**KESEDARAN sudah meluas di kalangan orang ramai mengenai taraf berpemerintahan sendiri dalam negeri yang kita nikmati selama ini. Kesedaran yang sedemikian telah ditambah lagi dengan kefahaman bahawa dalam menikmati taraf yang sedemikian itu kedaulatan ke atas negara dan rakyat terus-menerus berada dalam tangan Brunei, bukan dalam tangan British.**

Apa pun kedudukan persoalan yang dibangkitkan mengenai taraf berkerajaan sendiri itu yang penting sekali orang ramai sedia menyedari bahawa taraf itu telah benar-benar bukan sahaja dinikmati bahkan dipergunakan dengan bijaksana dan sebaik-baiknya. Pembangunan negara dan peningkatan taraf hidup rakyat sehingga kepada apa yang dicapai setakat sekarang adalah berkat kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kita dan juga keupayaan kita semua menyesuaikan diri dengan tujuan pembangunan dan peningkatan taraf hidup itu.

Tidak syak lagi hasil daripada kebijaksanaan dan keupayaan tersebut ialah apa yang kita nampak pada masa ini dengan jelas bahawa di mana-mana di seluruh pelusuk tanahair pembangunan dan kemajuan telah dan sedang dinikmati. Kehidupan kita, baik cara perseorangan atau kekeluargaan, baik secara masyarakat kampung dan luar-luar bandar ataupun masyarakat bandar, kita semua pada keseluruhannya mencapai dan sedang terus mencapai suatu taraf kehidupan yang baik dan selesa.

Pencapaian tersebut mestilah selalu kita ingat sebagai suatu pencapaian yang dimungkinkan oleh adanya dasar Kerajaan yang mengambil kira akan kepentingan rakyat dan negara. Dasar tersebut sama ada dalam perkhidmatan sosial dan lain-lain kemudahan awam seperti bekalan air, jalan raya dan jalan kecil, bekalan letrik, jambatan dan titian, mahupun perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan menerusi klinik-klinik dan hospital-hospital serta juga menerusi pengawalan kehidupan dan sebagainya. Dan bukan itu sahaja bahkan yang lebih penting lagi ialah dasar dalam bidang pelajaran yang diasaskan kepada persekolahaan dan pelajaran percuma yang membukakan peluang-peluang yang sama untuk semua lapisan rakyat mencapai taraf pelajaran setinggi-tinggi yang termampu tanpa mengira latar belakang serta taraf ekonomi dan sosial keluarganya.

Kemajuan yang dicapai oleh negara dan rakyat serta juga oleh penduduk-penduduk setakat ini berpengaruh besar pada memantapkan negara. Di suatu segi yang lain ialah telah pula menambahkan keyakinan rakyat dan penduduk untuk memberi kerjasama dan sokongan kepada kepimpinan tertinggi negara iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan serta Kerajaan Baginda. Dengan sebab itu, terbentuklah suatu suasana hidup aman dan sejahtera di mana semua pihak baik dalam Kerajaan mahupun di pihak orang ramai sentiasa merasa berkepentingan untuk memelihara dan mengekalkan keamanan hidup.

Sebenarnya inilah rahsianya dalam kita mencapai kemerdekaan tidak terdapat keadaan yang tegang dalam perhubungan rakyat dan Kerajaan. Dan inilah rahsia kejayaan kita di Brunei dalam membangunkan dan memajukan diri kita dan negara kita. Rahsia seperti ini sukar dikesan dan sukar untuk diseluki oleh orang luar atau orang-orang kita yang membuat pertimbangan dan ukuran-ukuran yang sering dipergunakan oleh orang luar dalam mereka mengkaji sesuatu pencapaian kemajuan bagi sebuah negara dengan berbagai-bagai teori dan ilmu. Pada umumnya orang-orang yang sedemikian tidak menduga kita boleh mencapai kemajuan dan taraf hidup dalam keadaan aman tanpa menerusi pergerakan politik berparti dan seumpamanya. Tetapi yang sudah nyata, setakat yang sudah dapat [...] sehingga sekarang, Brunei dan [...] membangun dengan sebaik-baiknya [...] caranya sendiri berdasarkan pengalaman [...] diri tanpa menggunakan kaedah-kaedah [...] biasa diamalkan oleh orang luar.

Selain daripada itu rahsia kejayaan [...] banyak bergantung kepada sikap [...] rakyat yang terus-menerus [...] ugama dan mengamalkannya dalam [...] Sesungguhnya fahaman dan [...] maan seperti yang diamalkan di [...] mendalam kesannya ke atas pembawaan [...] dan pembawaan masyarakat. Perhubungan [...] tara rakyat dan Kerajaan adalah [...] oleh sikap dan pembawaan yang [...] masyarakat, dan ternyata sikap yang [...] ialah mengukuhkan lagi suasana [...] perhubungan Kerajaan dengan rakyat [...] diperkukuhkan dalam semangat [...] persefahaman dan saling hormat-menghormati.

Maka, seperti yang disebutkan [...] persoalaan mengenai taraf berkerajaan [...] yang dinikmati oleh negara ini [...] nyata ia telah benar-benar dipergunakan [...] bijaksana dan dengan sebaik-baiknya [...] semua. Dan menjelang merdeka [...] merdeka nanti kita setentunya [...] dengan pengalaman ini, pengalaman [...] ternyata berfaedah kepada semua [...] sebab untuk kita mengenepikannya.

Insya-Allah, dengan pengalaman [...] akan melangkah secara yang [...] terhadap masa hadapan.

---

DIMAKLUMKAN bahawa pendaftaran murid-murid baru bagi Kelas Muqaddam dan Al-Quran Persatuan Pembaca-pembaca Al-Quran (Islam) Brunei bagi Sekolah Persediaan Inggeris Mabohai dan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muttawakillah Hayatullah Bolkiah Kampung Serusop Berakas akan dibuka pendaftarannya mulai 1 November, 1983.

Kepada ibu bapa yang berhajat untuk mendaftarkan anak-anak mereka bolehlah mendapatkan borang pendaftaran daripada Pendaftar Sekolah, Pengiran Haji Tuah bin Pg Muhammad di Pejabat Hal Ehwal Ugama Brunei di waktu pejabat dibuka.

Semua borang pendaftaran hendaklah disampaikan kepada Pendaftaran tidak lewat pada 30 November, 1983. Dan mana-mana borang pendaftaran yang lewat dari tarikh yang ditetapkan tidak akan diterima.

# KERJASAMA PATUT DITERUSKAN

PENGKALAN BATU. — Kerjasama dan persefahaman di antara rakyat dan penduduk dengan kerajaan patutlah diteruskan semasa menjelang merdeka dan selepas merdeka nanti bagi faedah-faedah bersama.

Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menyeru demikian ketika berucap di Perjumpaan Penerangan bagi Penduduk-Penduduk Mukim Pengkalan Batu pada petang hari Ahad 16 Oktober lepas.

Katanya, kita faham dan sedar bahawa kita memberikan kerjasama dan sokongan kepada pemimpin tertinggi dan Kerajaan adalah untuk kepentingan Brunei yang kita punyai bersama dan mempunyai kepentingan di dalamnya.

Kerana itu, ujar Awang Haji Badaruddin lagi, kita tentunya akan terus berusaha, lebih-lebih lagi pemimpin negara dan Kerajaan akan sentiasa memikir dengan bijaksana bagi kebaikan negara dan rakyat.

Terdahulu dari itu, Pengarah Penerangan menjelaskan bahawa setakat ini rakyat dan penduduk negara ini sudah memahami kepentingan keamanan dan sangat berhasrat untuk berkehidupan dalam aman dan sejahtera.

Perjumpaan yang bertempat di Sekolah Pengkalan Batu itu telah dipengerusikan oleh Awang Kassim bin Haji Jamaluddin dan telah dihadiri oleh lebih 200 orang penduduk di mukim tersebut.

Di antara yang hadir di majlis itu ialah Pemangku Penghulu Mukim Pengkalan Batu, Awang Buntar bin Haji Seruddin; ketua-ketua kampung; dan pegawai-pegawai kanan Bahagian Penerangan Jabatan Setiausaha Kerajaan.



TYT Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei, Awang Francis [...] Khamis lalu telah membuat kunjungan singkat ke Pejabat [...] Kelihatan dalam gambar Tuan Yang Terutama sedang [...] Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah [...]

## Peperiksaan SRPB/BJCE

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei dalam kedua-dua aliran Melayu dan Inggeris akan bermula pada 5 November hingga 10 November 1983 ini. Peperiksaan tersebut akan diadakan di 27 buah pusat yang telah ditetapkan di seluruh negara.

Seramai 4,019 orang calon dijangka akan menduduki peperiksaan itu yang mana dari jumlah tersebut seramai 3,329 orang calon akan menduduki peperiksaan dalam aliran Inggeris sementara 690 orang calon dalam aliran Melayu.

Adalah dimaklumkan kepada calon-calon yang berkenaan supaya dapat hadir di pusat peperiksaan masing-masing pada hari dan tarikh yang telah ditetapkan.

Manakala kepada calon-calon persendirian yang belum menerima jadual waktu bagi peperiksaan tersebut bolehlah mendapatkannya di Pejabat Lembaga Peperiksaan, Lapangan TerbangLama, Berakas bila-bila masa Pejabat dibuka.

## Fahaman yang sudah melu[as]

TELISAI. — Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menegaskan bahawa kesedaran yang berpatutan dan fahaman yang betul berhubung dengan hal-ehwal negara dan kerajaan sudah meluas di peringkat orang ramai pada masa ini.

Kerana itu, katanya, sebarang kekeliruan yang ber bangkit dapat diperbetulkan bersama dengan penuh persefahaman dan saling hormat-menghormati.

Menegaskan di perjumpaan Penerangan bagi penduduk-penduduk Mukim Telisai yang diadakan di Sekolah Melayu Tumpuan Telisai pada pagi Jumaat lepas, Haji Badaruddin menambah kenyataan yang ada menunjukkan bahawa rakyat di semua peringkat menaruh keyakinan dan memberi kerjasama kepada pimpinan tertinggi negara ini.

Dengan keyakinan dan kerjasama demikian, beliau berpendapat, keadaan mantap dapat terus dikekalkan dan kita semua menikmati para hidup yang baik dalam suasana yang selesa, aman dan sejahtera.

Terdahulu dari itu Penghulu Mukim Telisai, Awang Ismail bin Damit telah juga memberi ucapan.

Perjumpaan pada pagi itu telah dihadiri oleh hampir 200 orang penduduk di mukim tersebut yang juga telah diadakan soal jawab yang dipengerusikan oleh Cikgu Awang [...] Muhammad [...]

Di antara yang [...] masuklah Y.B. [...] Pekerma Indera [...] Jili bin Ibrahim [...] pegawai kanan [...] Penerangan [...] Setiausaha Kerajaan.

## Pembe[...]

PARA awak [...] Pengarah [...] bawah tajuk [...] DARURAT [...] KESELAMATAN [...] disiarkan di [...] keluaran [...] daklah [...] berikut:—

"Pengarah [...] Awang Haji [...] Pengarah [...] mengakui [...] Undang [...] dikuatkuasakan [...] mengangkat [...] sesiapa yang [...] untuk [...] boleh [...] keselamatan [...] rakyat.

Kesilapan [...] dikesali."

## 30 orang penuntut SIB melawat pasukan AMDB

PERKHEMAHAN BOLKIAH. — Seramai kira-kira 30 orang penuntut dan dua orang guru dari Sekolah Inggeris Berakas telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Perkhemahan Bolkiah di sini pada hari Selasa 18 Oktober lepas.

Dalam lawatan rombongan telah diberi taklimat ringkas mengenai dengan kerjaya tentera Pasukan AMDB yang telah disampaikan oleh Leftenan Zainal Abiddin bin Latif.

Kemudiannya mereka berkesempatan menyaksikan tayangan wayang gambar yang memperlihatkan tugas-tugas semua cawangan yang terdapat dalam AMDB yang diberi tajuk "Perajurit Negara".

Muzium Pasukan adalah di antara tempat yang juga dilawati oleh rombongan tersebut dan kemudiannya dibawa melawat ke Bangunan Logistik AMDB Bolkiah Kem yang baru siap pada bulan Julai lepas. Di sana pelawat-pelawat telah diberi penerangan ringkas bagaimana Logistik beroperasi yang disampaikan oleh Pegawai Memerintah, Major A Butterworth.

Seterusnya mereka dibawa ke Bengkel Pasukan tempat membaiki kereta-kereta atau trak-trak pasukan yang mengalami kerosakan, tempat-tempat memperbaiki jam-jam, kompas dan alat-alat lain.

Pasukan Askar Wanita juga sempat dilawati pada hari itu, di sana mereka telah disambut oleh pegawai-pegawai Askar Wanita dan seterusnya dibawa melawat dan melihat asrama dan kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Pasukan Askar Wanita yang baru saja ditubuhkan kira-kira dua tahun lalu.

Berakas Garison juga telah menjadi kunjungan kepada pelawat-pelawat dari Sekolah Inggeris Berakas pada hari itu. Di sana mereka telah menyaksikan berbagai-bagai pertunjukan dari Batalion itu dan berpeluang melawat bangunan-bangunan dalam Berakas Garison dengan ditemani oleh dua orang pegawai AMDB. — ZHS.

# Pertandingan Permainan Lalulintas Shell di Tutong

TUTONG. — Dengan tema "Keselamatan Di Jalan Raya Adalah Tanggungjawab Kita Bersama", pertandingan Permainan Lalulintas Shell Peringkat Daerah Tutong telah berlangsung pada hari Ahad 9 Oktober lepas di kawasan letak kereta Sekolah Inggeris Saiful Bolkiah di sini.

Pertandingan tersebut telah dirasmikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Ahmad bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd Yussof.

Pengerusi pertandingan bagi Daerah Tutong, Awang Mohd Salleh bin Haji Mohidin dalam ucapannya berkata, bahawa tema pertandingan pada tahun ini menekankan kepada kita semua, iaitu pemandu-pemandu kenderaan dan pejalan-pejalan kaki terhadap tanggungjawab mematuhi dan mengamalkan undang-undang yang telah dijalankan pada masa ini bagi mengurangkan berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diingini.

Katanya, keselamatan di jalan raya tidak akan berkesan sekiranya perasaan kerjasama dan penuh timbang rasa tidak ada di kalangan pengguna jalan raya.

Tambahnya untuk memberikan ianya lebih efektif haruslah undang-undang yang berjalan pada masa ini akan lebih dikuatkuasakan dengan sepenuhnya tanpa ada kelonggaran kepada penyalahgunaan pengguna-pengguna di jalan raya.

Pertandingan peringkat Daerah Tutong pada tahun ini telah disertai oleh tujuh buah pasukan dari sekolah-sekolah rendah di daerah tersebut. Pemenang pertama dalam pertandingan pada hari itu telah dimenangi oleh Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya Jalan Sengkarai, tempat kedua Sekolah Persediaan Inggeris Kiudang dan tempat ketiga dimenangi oleh Sekolah Persediaan Inggeris Abdul Rashid, Tanjong Maya.

Pemenang pertama dan kedua pada hari itu akan mewakili Daerah Tutong ke peringkat negeri yang akan diadakan di Daerah Belait pada bulan Disember 1983 yang akan diadakan di Taman Permainan Lalulintas Shell yang seterusnya diselajurkan dengan pembukaan rasmi taman tersebut.

Pegawai Hal-Ehwal Kemasyarakatan Shell, Awang Sharif bin Haji Naweh yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Pertandingan Lalulintas Shell telah sempat memberikan sedikit ucapan pada hari itu.

Hadiah-hadiah kepada para pemenang pertandingan pada hari itu telah disampaikan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Indera Haji Jili bin Ibrahim.



YANG Berhormat O.K. Pekerma Indera Haji Jili menyampaikan hadiah kepada salah sebuah pasukan yang memenangi pertandingan lalulintas Shell.



SEBAHAGIAN dari murid-murid tersebut cuba beraksi dengan menunggang basikal untuk meluaskan kefahaman mereka ke pertandingan itu.



ANTARA pasukan yang mengambil bahagian.

## Hantar maklumat pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN. — Di bawah Bab 3 (1) Undang-undang Maklumat Pekerjaan 1973, yang disiarkan sebagai S. 92 dalam Warta Kerajaan bertarikh 4 September 1980 menghendaki semua majikan dalam negeri ini supaya menghantar kepada Pesuruhjaya Buruh seberapa segera yang boleh atau tidak lewat pada 27 November 1983 dalam borang-borang yang diluluskan maklumat-maklumat mengenai semua orang yang bekerja dengan mereka pada 31 Oktober, 1983.

Kenyataan tersebut tidak dikenakan kepada orang-orang yang diambil semata-mata untuk tujuan perkhidmatan-perkhidmatan rumah, rumahtangga atau pensendirian bagi seseorang majikan dan bukan berhubung dengan perdagangan, pekerjaan atau perniagaan yang dijalankannya.

Borang-borang banci bagi tahun ini, telah dikirimkan kepada majikan-majikan dalam tempoh 10 hari sebelum 27 Oktober. Manamana majikan yang belum menerimanya pada penghujung bulan ini adalah dikehendaki untuk menghubungi Pejabat Pesuruhjaya Buruh, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Brunei bagi mendapatkannya.

## Ketetapan harga barang keperluan

Seperti biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang didapati dijual dengan harga yang lebih sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait, dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga-harga barang yang berikut di bawah ini bermula dari 19 Oktober 1983.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. UDANG KERING: $9.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Chee Guan, No. 4, Jalan McArthur.
   2. Chai Huat Trading, No. B2, Jalan Roberts.
2. SAYOR KINCAM: $5.40 setahil boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Chop Nam Fung, No. 114, Bangunan Guru-Guru.
3. LADA KERING: $3.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Kim Seng Choon, No. 91, Jalan Pemancha.
   2. Ming Thai Company, No. 32 Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT**

1. UDANG KERING: $9.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Chin Fatt, No. 60B, Jalan Pretty.
2. SAYOR KINCAM: $6.40 setahil boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
   2. Chin Fatt, No. 60, Jalan Pretty.
3. LADA KERING: $3.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Koh Kee, No. 60, Jalan Pretty.

**SERIA**

1. UDANG KERING: $9.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Foo Hap Seng, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
2. SAYOR KINCAM: $6.00 setahil boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Soon Kheng, No. 50B, Jalan Bunga Kuning.
3. LADA KERING: $3.40 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. Yick Fatt, Lot No. 2478, Jalan Sultan Omar Ali.



BARU-BARU ini jambori di udara telah diadakan selama dua hari bertempat di kawasan kediaman rumah Penolong Pegawai Daerah Belait, Pengiran Alihassan bin D.S.L.J. Pengiran Haji Abbas. Jambori tersebut telah dihadiri oleh pegawai-pegawai dan ahli-ahli pengakap di seluruh negara dan perasmiannya dilakukan oleh Penolong Pegawai Daerah Belait. Gambar atas kelihatan Penolong Pegawai Daerah Belait sedang membuat panggilan telefon di luar negeri dengan diperhatikan oleh para pegawai dan ahli pengakap yang menyertai jambori itu.



AWANG Haji Julaihi menyampaikan oskar kemenangan salah satu bahagian peraduan itu yang dimenangi oleh sekolah dari guru yang menerima hadiah ini.

# 35 buah SRM dan SP... sertai pameran

BERAKAS. — Pameran Seni-lukis dan Pertukangan tangan bagi sekolah-sekolah rendah bahagian Brunei kali ke-18 telah dilangsungkan bertempat di Sekolah Melayu Anggerek Desa pada hari Sabtu lalu.

Pameran tersebut dirasmikan oleh Penolong Penguasa Pelajaran Rendah Awang Haji Julaihi bin Sulaiman dan diserikan dengan permainan hadrah serta persembahan tarian dari murid-murid Sekolah Anggerek Desa.

Sebanyak 35 buah Sekolah Rendah Melayu dan Persediaan Inggeris telah menyertai kepada beberapa buah kumpulan.

Dalam Bahagian Sekolah Rendah Melayu Kumpulan A, bahagian lukisan telah dimenangi ole S.M. OKSB. Kilanas, SM. Tungku, SM. Pusat Pengejaran Gadong. Bahagian Tulisan Jawi telah dimenangi oleh SM Tungku, kedua SM. DMW Lambak, ketiga SM. B. Sakam Bunut. Bahagian Kerja Tangan dimenangi oleh SM. Anak-anak Askar, kedua SM OKSB Kilanas, ketiga SM Sengkurong.

Kumpulan B Bahagian lukisan telah masing-masing dimenangi oleh SM Serasa, SM Mata-mata, SM Anggerek Desa. Bahagian Tulisan Jawi tempat pertama dan kedua telah dimenangi oleh SM Tanah Jambu, ketiga SM PJ Beribi. Bahagian Kerja tangan telah dimenangi oleh SM P. Pengajaran Gadong, kedua SM SUAS Muara ketiga SM Amar Pahlawan.

Kumpulan C Bahagian lukisan telah dimenangi oleh SM. Kiarong, SM OKSB Kilanas, SM Katimahar. Bahagian Tulisan Jawi tempat pertama dan kedua telah dimenangi oleh SM PJ Beribi, ketiga SM Tungku. Bahagian kerja Tangan di menangi oleh SM Amar Pahlawan, Kedua SM Menglait, ketiga SM PJ Beribi.

Kumpulan B bahagian lukisan telah dimenangi oleh SPI Serasa, kedua dan ketiga dimenangi oleh SPI Bunut. Bahagian Tulisan Jawi telah dimenangi oleh SPI Anggerek Desa, kedua dan ketiga dimenangi oleh SPI OKSB Kilanas. Bahagian ... Tangan telah ... SPI Sungai Hanching ... SPI Anggerek Desa ... SPI SUAS Muara ...

Kumpulan C ... Lukisan telah ... SPI Bunut, SPI ... Amar Pahlawan ... Tulisan Jawi ... dimenangi ... Hanching, kedua ... dimenangi ... Kilanas. Bahagian ... Tangan pertama ... oleh SPI SUAS Muara ... SPI Amar Pahlawan ... ketiga SPI Anggerek ...

Hadiah ... disampaikan ... Penguasa Pelajaran ... serta doa selamat ... oleh Ustaz Awang ... Quraish, ketua ... SPI Anggerek Desa.

## Jabatan Ta... pindah

JABATAN ... terletak di Jalan ... Pasang telah ... bangunan ... Bangunan Kompleks ... Kerja Raya ... Lapangan Terbang ... Berakas.

## Wabak ... di Sab...

KEMENTERIAN ... di Kuala Lumpur ... memaklumkan ... buah daerah di ... dijangkiti oleh ...

Kawasan ... telah dijangkiti ... 2 Oktober ... daerah Sandakan ... jangkiti 7 Oktober ...

## Melawat Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 28 orang ahli Badan Perfileman — Audio Visual Aid (AVA) Sekolah Inggeris Berakas yang diketuai oleh setiausahanya, Cikgu Pg. Chuchu bin Pg. Haji Wahab telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Bahagian Penerangan, Jabatan Setiausaha Kerajaan, petang Khamis lepas.

Dalam lawatan itu mereka telah diberi taklimat mengenai struktur pentadbiran dan fungsi Bahagian Penerangan, Unit Sivik.

Mereka juga dibawa meninjau ke Unit Akhbar dan Bilik Penggambaran dan diberi penerangan oleh pegawai-pegawai di bahagian-bahagian berkenaan.

Sebelum mengakhiri lawatan rombongan itu telah juga berkesempatan beramah mesra dengan Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman dan pegawai-pegawai kanan beliau.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 26 hingga 31 Oktober 1983

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Limau Manis | 26.10.1983 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 26.10.1983 | Rabu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Melayu Masin | 26.10.1983 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Jerudong | 29.10.1983 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 29.10.1983 | Sabtu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Melayu Sengkurong | 29.10.1983 | Sabtu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 29.10.1983 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas | 29.10.1983 | Sabtu | 3.15– 4.15 „ |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut | 29.10.1983 | Sabtu | 4.30– 5.30 „ |
| Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Serasa | 30.10.1983 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampung Masjid Lama, Muara | 30.10.1983 | Ahad | 10.15–11.15 „ |
| Di hadapan Kedai Pekan Muara | 30.10.1983 | Ahad | 11.30–12.00 T/Hari |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | 31.10.1983 | Isnin | 2.00– 3.00 petang |
| Berhadapan Kedai Kampung Perpindahan, Berakas, | 31.10.1983 | Isnin | 3.30– 4.30 „ |

## Derma untuk Tabung Anak2 Yatim

SATU derma yang berupa cek berjumlah $1,300 telah diterima oleh Timbalan Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Awg. Haji Abdul Mokti bin Haji Daud di jabatan itu pada hari Khamis lepas.

Derma tersebut telah disumbangkan oleh Awang Abdullah bin Sahari, seorang peniaga tempatan disumbangkan untuk Tabung Anak-Anak Yatim, Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan.

# Soal Jawab Sistem Ejaan Baru Siri (2...

Soalan 2 : Bagaimanakah cara menentukan vokal sesuatu perkataaan berubah atau tidak?

Jawapan : Sila rujuk Pelita Brunei 6 Julai, 83, halaman 7.

Cara untuk menentukan vokal sesuatu perkataan berubah atau tidak biasanya bergantung kepada tiga faktor utama yang berkaitan antara satu sama lain : —

1) Perubahan ejaan mungkin berlaku pada perkataan yang mempunyai dua suku kata dan lebih. (Perkataan yang mempunyai satu suku kata seperti bab, sen dan tin tidak berubah ejaannya).

2) Suku kata (di dalam perkataan) itu pula dilihat pada suku kata praakhir dan suku kata akhir tertutup. Suku kata akhir mestilah suku kata akhir tertutup. Vokal suku kata praakhir biasanya tidak berubah. Ia digunakan untuk menentukan sama ada vokal suku kata akhir tertutup berubah atau tidak.

3) Penentuan faktor 2) mengenai vokal suku kata akhir tertutup berubah atau tidak bergantung pula pada tiga rajah (sifir) yang digambarkan dalam jawapan soalan 1.

Misalnya perkataan

(i) 'sen' terdiri daripada satu suku kata. Oleh itu, tidak perlu diubah ejaannya (faktor 1).

(ii) 'kereta'. Ada tiga suku kata, ke-re-ta. Perkataan ini boleh dibawa dalam penentuan faktor 2) kerana ia telah memenuhi syarat faktor 1) iaitu 'kereta' mempunyai lebih daripada 2 suku kata.

Mengikut faktor 2) suku kata akhir sesuatu perkataan mestilah tertutup untuk menentukan vokalnya berubah atau tidak. Suku kata praakhir 'kereta' ialah re dan suku kata akhir ialah ta. Oleh kerana *ta* adalah suku kata akhir terbuka, ejaan 'kereta' tetap seperti ejaan lama.

(iii) 'umor' ada dua suku kata *u* dan *mor*. Ini bermakna ia memenuhi syarat faktor 1). Faktor 2) juga dipenuhi. *u* adalah suku kata praakhir dan *mor* adalah suku kata akhir tertutup (ditutupi konsonan r). Maka faktor 3) yang dapat diperhatikan ialah pada gambarajah keselarasan huruf vokal. Di sini kita dapati vokal u bertemu dengan o ada di gambarajah pada pola kedelapan huruf vokal berubah. Oleh itu perkataan 'umor' perlulah diubah kepada ejaan baru menjadi 'umur'.

Ramai orang menyalah sangka tentang sistem ejaan baru. Ada yang menganggap apa saja perkataan yang mempunyai e taling mesti diubah menjadi i dan apa juga perkataan ... mempunyai vokal o diubah menjadi u. Pemikiran ... menambahkan lagi kekacauan pada sistem ejaan ... betul. Mulalah mereka mengeja 'pohon' menjadi ... atau 'puhun' ataupun 'puhon', 'sekolah' menjadi ... 'tengok' menjadi 'tenguk', dsb. Oleh sebab itu ... rasanya kita berpegang kepada tiga syarat tadi ... tersilap dalam menentukan ejaan bagi sesuatu ... perkataan.

**Latihan 1**

Cuba tukarkan potongan karangan ini kepada ...

DALAM sa-buah rumah di-Kampong Ayer ... orang budak bernama Ahmad bersama ibu-nya.

Ayah Ahmad sudah lama meninggal dunia ... Ahmad maseh kechil lagi. Sekarang Ahmad tinggal ... ibu-nya di-rumah peninggalan ayah-nya itu. ... sudah meningkat sa-puloh tahun, ia belajar ... sekolah Melayu. Sekarang Ahmad sudah ... Sekolah tempat Ahmad belajar itu jauh ... Oleh sebab Ahmad tinggal di-Kampong Ayer, ... ia pergi ka-sekolah menggunakan perahu. ... sudah burok dan bochor pula. Walau pun ... sudah burok dan bochor, tetapi ia tidak ... menggunakan perahu-nya itu. Kadang-kadang ... kawan2-nya yang nakal suka mengejek ... memakai perahu yang sudah burok, tetapi ... menghiraukan segala ejekan mereka itu. ... datang ka-sekolah sa-tiap hari.

(Jawapannya akan disiarkan pada keluaran ... depan).

# ZINA PERBUATAN TERKUTUK




MARILAH kita jangan [i]ngkar dan lalai dari [ber]takwa ke hadrat Allah [de]ngan mengerjakan [segal]a apa jua suruhan-[Nya] dan menjauhi segala [apa] jua larangan-Nya.

[Satu] lagi dosa besar [ialah] zina. Banyak benar [amar]an-amaran dalam [Al-Qur]an dan hadis-hadis [Nabi] s.a.w. tentang zina. [Ia] dianggap perbuatan [terk]utuk kerana [menye]babkan akibatnya yang [sa]ngat buruk kepada [ma]syarakat dan [ket]urunan. Sebelum [berla]ku pekerjaan berzina, [Al]lah Taala sudah meng[ingat]kan bagaimana hen[dak] mengelakkannya. Fir[man] Allah dan Suratul [Isra] ayat 31 yang tafsirnya:

*"Dan janganlah kamu [hampiri] perzinaan, sesung[guh]nya perzinaan itu suatu [perb]uatan yang keji dan [jal]an yang buruk."*

**[P]ENYAKIT KOTOR**

[J]alan yang buruk di sini [ker]ana ia merosakkan keturunan, menyebarkan penyakit kotor, menimbulkan persengketaan dan sebagainya. Balasan terhadap orang-orang yang melakukan perzinaan itu diterangkan oleh Allah dalam Al-Quran ayat 68 hingga 70 Suratul Furqan yang tafsirnya lebih kurang: *"Adapun orang-orang yang beriman itu, mereka tidak menyeru Tuhan yang lain di samping Allah, tidak membunuh jiwa yang dilarang oleh Allah membunuhnya melainkan dengan hak, dan begitu juga mereka tidak berzina. Dan barangsiapa yang melakukan semua itu nescaya akan menerima hukuman. Digandakan siksaan untuknya pada hari kiamat, serta dikekalkan di neraka dalam keadaan yang terhina, melainkan orang yang bertaubat........"*

Sementara hadis-hadis Nabi s.a.w. banyak pula yang menerangkan dengan lebih jelas lagi. Sebuah hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim dan Abu Daud dan An-Nasaie daripada sahabat Abu Hurairah Radiallahu Anhu ada menerangkan yang maksudnya lebih kurang: *"Tidaklah berzina seseorang, dalam masa berzina itu dia beriman. Begitu juga tidaklah mencuri seseorang dalam masa mencuri itu dia beriman. Dan tidak juga minum arak seseorang, dalam masa minum itu ia beriman."* Bersabda lagi Nabi: *"Barangsiapa yang berzina atau minum arak, Allah cabut daripadanya iman, sebagaimana mencabut (membuka) seseorang pakaiannya dari kepalanya."*

**"Adapun orang-orang yang beriman itu, mereka tidak menyeru Tuhan yang lain di samping Allah, tiada membunuh jiwa yang dilarang oleh Allah membunuhnya melainkan dengan hak, dan begitu juga mereka tidak berzina. Dan barangsiapa yang melakukan semua itu nescaya akan menerima hukuman. Digandakan siksaan untuknya pada hari kiamat, serta dikekalkan di neraka dalam keadaan yang terhina, melainkan orang yang bertaubat........"**

**DOSA YANG PALING BESAR**

Kemudian cuba juga perhatikan suatu riwayat daripada sahabat Ibnu Masud Radiallahu Anhu, katanya: *"Saya bertanya kepada Rasulullah s.a.w. Wahai Rasulullah, apakah dosa yang paling besar di sisi Allah? Menjawab Rasulullah: Engkau jadikan Allah berbilang-bilang (bersekutu). Tanyanya pula: Kemudian apa lagi? Menjawab Rasulullah: Engkau bunuh anakmu kerana takut memberi makan. Tanya lagi Ibnu Mas'ud: Kemudian apa? Menjawab Baginda: Engkau zina isteri jiranmu."*

Cukup terang wahai kaum Muslimin mengenai dengan perbuatan zina itu sangat-sangat dikutuk oleh Allah. Dan oleh kerana itu juga dijanjikannya kehinaan dan azab yang pedih bagi orang-orang yang melakukannya. Sayugialah hendaknya orang-orang Islam mengambil ingatan dan iktibar dari keterangan ini untuk keselamatan hidup kita di dunia dan juga kebahagiaan di alam akhirat yang kekal abadi.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 26 Oktober, 1983 hingga ke hari Selasa 1 November, 1983 adalah seperti di bawah ini :—

| *Hari Bulan* | *Zuhur* | *Asar* | *Maghrib* | *Isyak* | *Imsak* | *Subuh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 26 Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 27 Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 28 Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 29 Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 30 Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 31 Okt | 12.10 | 3.28 | 6.09 | 7.23 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 1 Nov | 12.10 | 3.28 | 6.07 | 7.21 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei di mulai dari pukul 12.45 minit tengah hari.

# JAGA PERBUATAN JAGA KEIMANAN

Oleh: Azadah Haji Awang Besar

***Bingkisan minggu ini***

SETIAP orang Islam patut dan wajib sekali [m]enjaga atau sentiasa [w]aspada terhadap nilai-[n]ilai imannya. Kerana [kei]manan seseorang itu [u]mpama tubuh badan kita [ya]ng sentiasa terdedah [ke]pada penyakit, pantang [se]silap sedikit penyakit itu [a]kan hinggap dan [m]enyerang serta akan [m]embinasakan kalau tidak [dijag]a dengan rawatan dan [u]batnya. Begitulah [de]ngan iman kita, ianya [ka]lau kurang diawasi akan [m]enjadi tercemar atau [ros]ak. Kerosakan iman ini [b]erpunca dari dua perkara [iai]tu anasir-anasir luar dan [ke]dua berpunca oleh tin[d]akan atau kesilapan sen[d]iri. Bagaimanapun an[t]ara keduanya saling kait-[m]engait di antara satu [sa]ma lain.

[K]erosakan iman yang [b]erpunca oleh kesilapan [da]n tindakan sendiri tidak [beg]itu ketara dirasakan [ta]pi amat mudah berlaku [k]adang-kadang tanpa [di]sedari. Kerana kita amat [ter]dedah kepada kesilapan-[k]esilapan dalam per[b]uatan dan tindak-tanduk [kita] seharian seperti dalam [pe]rcakapan dan seum[pa]manya.

[M]aka awasilah per[b]uatan dan tindak-tanduk [kita] seperti percakapan [ti]dak dusta, membuat [ke]putusan mestilah adil — [ti]dak aniaya dan bukan [me]nurut keputusan hati [se]mata-mata dan segala [per]buatan kita tidak ber[can]ggah dengan apa yang [di]perintahkan oleh Allah [s.]w.t.

Perkara ini memang berhubung rapat dengan maksud iman secara umum iaitu pengakuan hati, pengucapan dengan lidah dan perbuatan dengan anggota badan. Jadi kalau kurang pengawasan mengenai perkara-perkara tersebut seseorang itu boleh menjadi munafik dan fasik sebagaimana maksud Firman Allah s.w.t. ayat 1 dalam Surah Al-Munafikun: *"Dan Allah menyaksikan bahawasanya orang-orang munafik itu adalah pembohong."*

Kemudian dalam Surah At-Taubah ayat 67 pula menyebutkan yang kira-kira bermaksud: *"Sesungguhnya orang-orang munafik, mereka adalah fasik."*

Dari penjelasan ayat-ayat Quran di atas disokong lagi oleh Hadis Rasulullah s.a.w. yang kira-kira bermaksud: *"Bahawa tanda orang-orang munafik itu ada tiga: apabila bercakap dia bohong, apabila berjanji dia mungkir dan apabila dipercayai dia khianat."*



## Majlis Pengislaman

TUTONG. — Satu Majlis Pengislaman bagi Dayang Alimah bte Tiga, seorang gadis Dusun telah dilangsungkan di rumah Awang Hussin bin Abdullah di No 10 Kampung Kebia, Tutong, pada 14 Oktober 1983 yang lalu.

Dayang Alimah sekarang dikenali sebagai Dayang Halimah bte Abdullah telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awg. Haji Abd. Rahman bin Haji Serudin, Imam Masjid Kampung Birau, Tutong. (gambar kiri).

Hadir di majlis tersebut ialah Pemangku Ketua Pegawai Perkembangan Ugama (Dakwah dan Tabliq) Awg. Haji Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awg. Haji Ismail yang seterusnya juga menyempurnakan penyampaian hadiah cenderamata kepada Dayang Halimah bte Abdullah. Juga hadir di majlis itu ialah Pemangku Penguasa Dakwah dan Tabliq Awg. Haji Mahali bin Haji Abdullah, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan serta penduduk kampung sekitarnya.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



# PEMBERIAN ZAKAT KEPADA ORANG YANG TIADA SEMBAHYANG (Siri ke-197)

BERKATA Al-Allamat Said Abd. Rahman Al-Mashur Mufti Hadarmaut dalam Baghyatul Mustarsyidin Fi Talkhisi Fatwa Ba'adil Aemmati Minal Ulamail Mutaakhirin:

*"Tiadalah harus bagi siapa yang ada air memberikan air itu kepada orang yang meninggalkan sembahyang dan ia bertayamum (ketika kekurangan atau tiada air) bahkan ia hendaklah mengambil wuduk dengan air itu, dan dia tinggalkan orang yang meninggalkan sembahyang itu dalam kehausan, kerana tiada kehormatan pada nyawanya (ia seperti hukum anjing ganas tiada kehormatan pada nyawanya)."*

Katanya lagi : "Berkata Al-Imam An-Nawawi: Barangsiapa meninggalkan sembahyang Fardu dan ia terus-menerus melakukannya (dari kecil sehingga sudah baligh), maka tiada harus diberikan zakat kepadanya sekiranya ia orang safih (bodoh), bahkan diberikan zakat untuknya kepada wali yang menjaganya, bersalahan jika ia baligh, sembahyang dan ia seorang rusydi (berakal) kemudian ia meninggalkan sembahyang maka tiadalah dihajar (dikenakan dia sekatan kuasa di atas hartanya), dan sah dia sendiri menerima zakat untuk dirinya. Sebagaimana sah ia melakukan segala perbuatan di atas hartanya."

Kata Pengarang Baghyatul Mustarsyidin: "Ini menurut asal Mazhab Shafie' bahawa Rusydi pada seorang itu bererti baik pada ugamanya dan baik perbuatan pada hartanya, adapun menurut kaul yang dipilih yang diutamakan, sebagaimana akan datang sebutannya di dalam "Babul Hajar" bahawa erti sifat Rusydi pada seorang itu, bahawa ia baik pada menyelenggarakan hartanya sahaja, dan tiada disyaratkan baik pada ugamanya, maka ia diberi zakat semata-mata apabila ia baik pada menyelenggarakan hartanya, dan sayugialah dikatakan kepada orang yang tiada sembahyang pada hal ia baik pada hartanya itu "kiranya kamu mahu zakat, maka kamu bertaubat dari meninggalkan sembahyang dan kamu sembahyang" dan Amar Makruf kepadanya itu membawa ia mendapat hidayat pada menunaikan sembahyang Fardu itu.

### ERTI FARDU AIN

Berkata Al-Imam Ibnu Hajar dalam "At-Tuhfah" : "Seseorang berkehendak bagi mendirikan sesuatu perkara dari perkara-perkara Fardu Ain dalam Islam, atau hendak melakukan sesuatu perkara sekalipun melakukan perkara itu menerusi wakilnya, maka adalah menjadi Fardu Ain di atas orang itu belajar akan hukum-hukum yang zahir bukan hukum-hukum yang jarang-jarang berlaku di dalam sesuatu perkara dari perkara-perkara Fardu Ain itu, dari itu ditanggungkan erti suatu hadis "Hasan" yang berbunyi:

*"Bermula mengetahui hukum halal haram dalam ugama, adalah wajib di atas tiap-tiap orang Islam."*

### KATANYA LAGI

"Hendaklah ada pada sesuatu tempat itu, orang yang mengetahui akan hukum-hukum Fardu Ain yang zahir bukan hukum yang jarang-jarang sebagaimana yang diketahui dari hukum syarak, bahawa hukum-hukum zahir dari fardu ain itu (seperti rukun sembahyang, puasa dan syarat-syarat keduanya) kerana keduanya mesti dikerjakan bila masuk waktunya, rukun Haji dan syarat-syaratnya jika berkuasa Haji, syarat-syarat zakat jika telah wajib berzakat, dan hukum jual beli dan berniaga jika seseorang itu berjual beli atau berniaga, mestilah di atas orang-orang yang menjual roti tahu akan hukum harus menjual gandum dengan gandum dan tiada harus menjual gandum dengan tepung gandum, kerana ia riba, seperti beras dengan tepung beras, dan mestilah di atas orang yang menjual emas perak, tahu akan hukum tiada harus menjual satu dirham wang perak atau perak, dengan dua dirham perak dan lain-lain seumpamanya, dan pada nikah mestilah seseorang itu mengetahui akan rukun dan syarat-syarat akad nikah ketika ia hendak kahwin, tahu hukum beristeri lebih, jika hendak kahwin lebih dari seorang, dan pada awal akad mestilah seseorang itu beriktikad dengan iktikad yang betul serta disetujui oleh Quran dan hadis dan tahu akan perangai jahat dan wajib ia jauhkan perangai-perangai yang jahat itu, ini semuanya adalah menjadi Fardu Ain di atas seseorang mukallaf wajiblah di atas kita orang mukallaf belajar akannya dengan cara wa… atau cara Fardu… perkara yang… akan dia dari per… du Ain itu.

Dari itu wajib… hakim iaitu… pegawai-pega… mengarahkan pe… penduduk sesuai… itu, pada belajar… hukum dalam per… du Ain, apabila… meninggalkan… hukum-hukum Fardu…

Dari perkataan… Imam Ibnu Hajar… dapat menge… bahawa Fardu… mengandungi… perkara. Perkara-… ibadat, perkara… dan kehidupan… nikah kahwin… perkara akidah… perkara akhlak… perangai bukan… pada perkara… sebagaimana… oleh orang-orang…

WALLAHU A'LAM…

(Bersambung…

# MAKMURKAN MASJID T'JAWAB BERSAMA

Oleh: Ahat Ismail

KG. PUTAT. — Y.A.M. Pengiran Lela Wijaya Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohd Limbang, mengingatkan adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk berusaha memakmurkan masjid dengan kerjasama yang tulus ikhlas pada memainkan peranan yang penting untuk meninggikan syiar ugama Allah.

Bersabda ketika merasmikan pembukaan masjid Kampung Putat, Yang Amat Mulia berharap janganlah hendaknya masjid-masjid yang telah dibina itu akan lengang terutamanya pada tiap-tiap sembahyang fardu Jumaat mahupun sembahyang-sembahyang fardu yang lima, ataupun semasa mengadakan kegiatan-kegiatan keugamaan.

Yang Amat Mulia bersabda, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam amat mengambil berat terhadap perkembangan Ugama Islam serta sentiasa berusaha untuk memberikan kemudahan-kemudahan melakukan amal ibadat.

"Adalah menjadi kewajipan bagi kita orang-orang Islam memanfaatkan kemudahan-kemudahan tersebut dengan sebaik-baiknya dan dengan berkesan," jelas Yang Amat Mulia.

Terdahulu dari itu, Pengerusi majlis pembukaan rasmi masjid tersebut Awang Mohd Said bin Haji Bakir telah menyampaikan ucapan alu-aluan yang antara lain menyatakan usaha-usaha yang telah dijalankan bagi membangunkan masjid tersebut adalah antaranya dari sumbangan-sumbangan Jabatan-jabatan Kerajaan, syarikat swasta, serta persatuan-persatuan kebajikan di negara ini.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, katanya telah menyediakan tapak untuk masjid tersebut di mana pembinaannya berharga kira-kira 120 ribu ringgit dan mula digunakan pada awal tahun ini.

Ini adalah masjid yang ketiga dibuka rasmi bersempena dengan kedatangan awal tahun baru Hijrah 1404.

Majlis hari itu diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Awang Haji Salim bin Haji Besar, Kadi Daerah Brunei dan Muara dan diselajurkan dengan menunaikan sembahyang Fardu Jumaat yang juga diimamkan oleh Awang Haji Salim bin Haji Besar.



YANG Amat Mulia Pengiran Lela Wijaya Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Mohd Limbang sedang … da perasmian Masjid Kampung Putat.

# Kesedaran bersedekah mula wujud

KG. PUTAT. — Kesedaran tentang pahala dan kebajikan bersedekah termasuk tanggungjawab terhadap sedekah wajib iaitu zakat harta mula wujud di kalangan umat Islam di negara ini.

Demikian dinyatakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dalam sembah alu-aluannya di majlis perasmian Masjid Kampung Putat pada hari Jumaat yang baru lalu.

"Sifat dermawan, suka bersedekah adalah di antara perkara-perkara yang berkebajikan dan ianya bukan-lah satu kerugian pada hakikatnya. Jika ia diamalkan dengan ikhlas maka akan membawa keberuntungan kepada diri sendiri," jelas Yang Berhormat Pehin.

Menurut Yang Berhormat Pehin, rekod yang terdapat di Jabatan Hal Ehwal Ugama mencatatkan bahawa bilangan orang-orang Islam yang mengeluarkan zakat harta dan jumlah harta yang diterima di seluruh negara adalah semakin meningkat dari tahun ke setahun.

Menyentuh mengenai masjid, Yang Berhormat Pehin menjelaskan yang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam membina masjid tersebut bagi kemudahan tempat peribadatan yang sesuai untuk orang-orang Islam dan penduduk-penduduk Islam yang tinggal bermastautin di dalam mukim masjid tersebut.

Yang Berhormat Pehin berharap agar jemaah masjid tersebut akan terus bergotong-royong pada memelihara masjid tersebut dengan cara yang sebaik-baiknya, sebagai pusat perkembangan ugama Islam di mukim tersebut dan mendidik para jemaah serta mengasuh belia-belia untuk mendekatkan diri mereka kepada masjid.

"Untuk memakmurkan masjid, ia lebih banyak bergantung kepada usaha-usaha dan kegi… yang dijalankan … jemaah masjid … yang sedemikian … dakkan kepada … pengorbanan … Berhormat Pehin …

Dalam pada … Yang Berhormat … yang dimiliki … adalah men… kemampuan … pada … sumbangan-… antaranya … dengan wang … mu kepandaian … dan titik peluh…



Awangku Zamani



Roslan Hj. Suhaili.

## SUKAN PELITA

Kelolaan:
Manaf Rahman

# Polis tiga wilayah rebut ''Piala Sultan Hassanal Bolkiah''

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia telah berkenan menganugerahkan sebuah piala bagi rebutan kejohanan bola sepak tiga wilayah antara Polis Sabah, Sarawak dan Brunei.

Pertandingan 'Piala Sultan Hassanal Bolkiah' itu akan bermula esok, Khamis, 27 Oktober dengan pembukaan rasminya akan diselenggarakan oleh YB Pemangku Setiausaha Kerajaan.

Ini adalah merupakan buat pertama kalinya kejohanan bola sepak tiga wilayah antara Polis berlangsung dengan Polis Diraja Brunei diberikan penghormatan untuk mengendalikan kali pertama.

Ura-ura mengadakan pertandingan ini adalah atas inisiatif Polis Diraja yang bertujuan untuk merapatkan lagi perhubungan antara ketiga buah pasukan melalui kegiatan sukan.

Bola sepak adalah langkah pertama manakala kejohanan-kejohanan sukan tiga wilayah yang lain akan dirancangkan di masa akan datang.

Skuad Polis Diraja dalam usaha untuk memenangi kejuaraan ini telah pun menjalankan latihan-latihan keras dan lasak sejak hampir tiga minggu lepas.

Kesemua para pemain yang kini giat berlatih ialah mereka yang menganggotai skuad yang telah memenangi juara antara jabatan beruniform dan menyertai kejohanan Piala Aseanapol baru lalu.

"Memanglah harapan kita memenangi kejuaraan ini dan menyimpan piala tersebut dari berhijrah. Tapi kita belum pernah melihat kedua pasukan lawan beraksi dan tentu sukar untuk menilai kemampuan mereka. Apa yang kita harapkan ialah semoga para pemain dapat menunjukkan keolahan yang sebenar terutama mencurahkan pengalaman yang telah diperolehi sewaktu menyertai kejohanan Aseanapol," jelas ASP Zainal yang diminta komen tentang persediaan skuadnya.

Skuad Polis Diraja dirasakan tidak menghadapi masalah dalam gandingan persefahaman terutamanya dalam barisan penggempurnya.

Di bahagian ini saja mereka mendapat khidmat tiga rangkaian penyerang pasukan antarabangsa Brunei yang terdiri dari Zulkifli Anis, Roslan Haji Suhaili dan Ak Zamani.



.INILAH Piala Sultan Hassanal Bolkiah yang akan menjadi rebutan bagi kejohanan tiga wilayah antara Polis.

Jika ketiga mereka ini dapat menunaikan jangkaan dan prestasi yang baik tepat pada waktunya maka tidak ada sebab Polis Diraja gagal melakukannya dan tentu memeningkan kepala para pertahanan lawan.

"Ketiga pemain ini mungkin menjadi tunggak kekuatan dan harapan skuad Polis Brunei di samping itu kami juga mempunyai para pemain yang berkelibar dan hampir keseluruhannya adalah bekas pemain-pemain yang pernah mewakili negara sama ada di kejohanan kebangsaan atau belia," ujar ASP Zainal.

Meskipun belum pernah melihat kemampuan lawan tapi Polis Diraja mungkin beruntung jika ingin 'mengintip' lawannya kerana mereka akan bermain di hari kedua manakala Sabah dan Sarawak bertemu di hari pembukaan.

Pertemuan awal dua lawannya sedikit sebanyak tentu akan memberi gambaran kelemahan pasukan lawan dan setakat mana kemampuan mereka mengimbangi kekuatan Sabah dan Sarawak.

Mungkin yang jelas ialah Sarawak akan meletakkan kekuatan barisan depannya kepada bekas penyerang Malaysia, James Yakub.

Brunei akan memulakan kempennya bertemu pasukan yang kalah di hari kedua dan pemenangnya di hari ketiga dan penentu.

# Brunei Tuan Rumah Tenis Tiga Wilayah

PERTANDINGAN tenis tiga wilayah yang pada tahun ini Brunei menjadi tuan rumah telah bermula Sabtu lepas, 22 Oktober dengan pembukaan rasminya dilaksanakan oleh Y.A.M. Pengiran Negara Indera Pengiran Anak Kamarulzaman.

Kejohanan yang ke-14 itu akan berakhir esok, 27 Oktober dan pada tahun ini buat pertama kalinya penyertaan bagi wanita telah diperkenalkan.

Ini adalah merupakan satu langkah bagi meningkatkan mutu tenis wanita di wilayah ini dan juga untuk mengukur sejauh mana peningkatan mereka.

Tiga acara dipertandingkan termasuk bahagian perseorangan dan bergu lelaki, belia dan wanita. Sejak diperkenalkan pada tahun 1967, Sarawak lebih banyak merangkul kejuaraan termasuk kejohanan tahun lepas dan menjuarai bahagian junior sejak bermulanya acara ini pada tahun 1980.

Pemenang perseorangan tenis tiga wilayah sejak dulu adalah seperti berikut : 1967-1977 (tidak bercatat), 1978 Joseph Lee, Sarawak ; 1979 Mathias Wong, Sarawak, 1980 Alan Quek, Sabah, 1981 dan 1982 dimenangi oleh peserta Sabah, Kho Yong Siang.

Kejohanan tersebut yang berakhir esok akan dilakukan penutupnya oleh Y.B. Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussien.

# TAKRAW TIGA WILAYAH AKAN DITUBUHKAN

BUAT julung-julung kalinya takraw negara khususnya dan Wilayah Borneo umumnya menempah satu sejarah bilamana satu penubuhan bagi membentuk satu pasukan tiga wilayah akan dilaksanakan.

Penubuhan pasukan takraw ini yang akan dipanggil atas nama 'Pilihan Borneo' adalah hasil dari satu mesyuarat wakil-wakil ketiga negara semasa berlangsungnya pertandingan takraw Piala Borneo di Kuching Ogos lepas.

Perkara ini telah disahkan sendiri oleh Timbalan Setiausaha Agung Pestabaru, Pg Metassan Pg Bakar semasa dimintа penjelasan mengenai ura-ura tersebut.

"Dalam mesyuarat tersebut kesemua perwakilan telah bersetuju untuk menubuhkan takraw regu Borneo bagi membentuk satu pasukan yang mengandungi tiga regu dengan satu regu dari satu tiga negeri," jelasnya.

Pasukan tiga wilayah ini tambahnya, adalah khusus bagi menyertai kejohanan-kejohanan sepak takraw di Semenanjung, Thailand, Singapura dan sebagainya.

"Dari tiga regu itu, negara kita telah dipersetujui menjadi regu utama ekoran dari penilaian dan kaca mata luar bahawa regu negara adalah yang terkuat setakat ini," jelasnya.

Penghargaan ini menurutnya, adalah menampakkan kemajuan setapak lagi kepada mutu takraw negara dan Borneo.

Pemilihan regu negara sebagai regu utama Pilihan Borneo adalah berdasarkan kepada pencapaian dan peningkatan yang begitu tinggi dari prestasi penyertaan regu negara dari kejohanan-kejohanan yang besar dan bertaraf antarabangsa.

Dalam kejohanan Piala Borneo saja regu utama negara yang mengandungi Rahim Omar, Said Bakar dan Ahmad Haji Ibrahim terus meranapkan dan melumpuhkan regu terkuat Sabah dan Sarawak dalam straight set.

Terdahulu sebelum itu pencapaian mereka juga mendadak dalam kejohanan Sukan SEA lepas dengan memberikan tentangan hebat kepada regu utama Malaysia yang setakat ini belum pernah mereka lakukan.

Kejayaan dan prestasi mereka itu telah menampilkan regu takraw negara kepada negara lain kita sudah maju dan meningkat dan sedikit masa lagi akan mencabar keunggulan mereka itu.

Apa yang kita capai amat membanggakan bukan saja kepada negara Brunei malah yang lebih kepada Pestabaru yang bergelombang dengan seribu masalah dan rintangan untuk meningkatkan mutu takraw negara.

"Apa yang dirasakan sekarang semuanya titik peluh Pestabaru sendiri mengungkayahkan setiap projeknya tanpa bantuan dari mana-mana pihak sehingga dapat melahirkan beberapa pemain yang berpotensi dan digalati," tegas beliau.

Bagaimanapun segalanya itu akan lebih dipertingkatkan dan Pestabaru sekarang sedang mencari 'ubat' dan ramuan bagi mengubati 'penyakit' meningkatkan dan menjayakan takraw ke tingkat yang mencabar.

"Mendatangkan jurulatih berkelayakan adalah usaha yang penting dan secepat mungkin akan dilakukan. Kita sedang memikirkan jurulatih sama ada dari Thailand, Malaysia atau Singapura dan pada mengimbangi kesuburan takraw inilah tenaga jurulatih diperlukan."

Selain itu untuk mengekalkan kepopularan dan meneruskan bakti para pemain adalah perlu setiap persatuan dan badan-badan sukan di seluruh negara mengadakan lebih banyak pertandingan takraw secara terus-menerus bukannya bermusim.

Dalam pada itu beliau juga menyeru semua pemain takraw negara terutama pemain kebangsaan supaya akan terus menjalankan latihan secara persendirian jika tidak ada latihan khusus, kerana ini amat penting bagi menjaga kecergasan serta mengatasi kelemahan yang ada.

Kekurangan daya ketahanan dan stamina ada punca utama kekalahan negara dalam kejohanan-kejohanan lepas. Seperti yang telah dilakukan baru-baru ini dalam kejohanan tiga wilayah yang mana hampir 90 peratus kejuaraan di tangan telah terlepas.

Selain itu regu kita juga lemah di posisi tekong. Ini diakui oleh Pg Metasssan. Regu kedua dan ketiga negara mempunyai masalah ini.

"Kita lemah di posisi ini. Dalam persiapan akan datang ianya akan lebih diberi perhatian sama ada dari menghantar bola secara deras, tepat, menahan, 'feeding', dan membaca kelemahan lawan serta mencari ruang kosong," tekannya.

Menyentuh soal kemudahan beliau menjelaskan yang Pestabaru masih dirundung malang tidak mempunyai alat kemudahan yang sepatut.

Seperti gelanggang latihan yang masih meminta balas kasihan Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan dan akan 'menganggur' jika tempat tersebut digunakan untuk kegiatan lain.

"Mahu tidak mahu kami terpaksa bergantung dengan keadaan sekarang. Kami sudah masin dengan beban ini. Insya-Allah Pestabaru akan mencari jalan termasuk untuk memiliki sebidang tanah bagi membuka gelanggang sendiri," tegasnya.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dengan diiringi oleh Pemerintah Pasukan AMDB dan Pegawai Pemerintah Angkatan Laut diperkenalkan kepada pegawai-pegawai kanan angkatan itu sebelum menaiki salah sebuah kapal di dermaga Angkatan Laut, Muara.



PEMERINTAH Pasukan AMDB kelihatan menerangkan sesuatu kepada Kebawah Duli Yang ... begitu tertarik menyaksikan pergerakan kapal-kapal dan bot-bot pendarat Angkatan Laut yang ... latihannya.

# D.Y.M.M. BERANGKAT KE FLOTILLA MUARA

MUARA. — Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Pasukan Angkatan Laut Pertama Askar Melayu Diraja Brunei di sini bagi memerhati secara lebih dekat tentang perkembangan angkatan laut tersebut.

Keberangkatan Baginda ke pasukan itu merupakan kali kedua dalam bulan ini di mana kali pertama Baginda telah berangkat ke sana seminggu sebelum diadakan latihan "Rajawali Tiga" di luar pantai perairan Negara Brunei.

Dengan menggunakan pesawat helikopter yang dipandu oleh Baginda sendiri, keberangkatan tiba Baginda dialu-alukan dan dijunjung oleh Pemerintah Pasukan AMDB, Bregedier Jeneral JPW Friedberger dan Pegawai Pemerintah Angkatan Laut YDM Pehin Datu Juragan Laila Diraja Lt. Kolonel Dato Paduka Awang Kifli.

Setelah diperkenalkan kepada Pegawai-Pegawai Kanan Pasukan itu, Baginda kemudiannya berkenan menaiki KDB WASPADA di bawah perintah Mejar Abd. Jalil bin Haji Ahmad.

Pelayaran tersebut telah diiringi oleh 10 buah kapal Angkatan Laut Pertama yang didahului oleh KDB SATRIA di bawah perintah Mejar Latif bin Haji Awg. Damit dan diikuti oleh KDB Pejuang, Kapal Perwira, Pemburu, Penyerang, Puni, Damuan, Nurain, Burung Nuri, Burung Bayan dan Rotork.

Dalam masa yang sama Baginda juga telah menerima tabik hormat Diraja dan tiga kali 'Daulat Duli Tuan Patik' oleh para anggota Angkatan Laut yang diikuti dengan tiupan wisel iaitu satu tradisi bagi angkatan laut ketika memberi penghormatan dalam satu-satu upacara khas kepada pembesar negara.

Di sepanjang pelayaran di luar pantai sejauh kira-kira tiga batu dari pengkalan, Baginda diberikan beberapa penerangan mengenai operasi tersebut oleh Pegawai Pemerintah Angkatan Laut dan Pemerintah Pasukan AMDB. Operasi tersebut telah disertai oleh lebih 100 orang anggota Angkatan Laut.



SEBAHAGIAN dari kapal-kapal dan bot-bot pendarat Pasukan Angkatan Laut AMDB ketika membuat pergerakan tabik Hormat Diraja ... Duli Yang Maha Mulia.



# Lawatan T.Y.T. Yang Dipertua Negeri Melaka ke Brunei



PENASIHAT Umum Kebawah D.Y.M.M. Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa ketika mengalu-alukan Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Melaka di majlis jamuan yang diadakan oleh Yang Teramat Berhormat itu bertempat di Mess Pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei.



TUAN Yang Terutama YDP Negeri Melaka (tengah) ketika menghadiri majlis jamuan yang diberikan oleh YB. Pemangku Setiausaha Kerajaan.



ISTERI Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Melaka, Toh Puan Hajjah Halimah berbual sesuatu dengan isteri dif kenamaan negara kita di majlis jamuan yang diberikan oleh Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan bertempat di Mess Pegawai Pasukan Angkatan Laut, Muara.



Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Melaka ketika diperkenalkan kepada Dato Paduka Haji Mohd. Ali, Pegawai Kanan di Pejabat Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia di majlis jamuan yang diberikan oleh Yang Berhormat Pemangku Setiausaha Kerajaan.



Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Melaka berbual sesuatu dengan Pengarah Agensi Pelaburan, Awg. Abdul Rahman di Pejabat Pengarah itu dalam lawatannya ke negara ini.

RTB

# Intisari minggu ini

## Drama TV 'SAYANG KUALA SAYANG'

MULAI Jumaat ini 28 Oktober, 1983 sehingga 18 November, 1983, peminat-peminat drama tanahair akan berpeluang mengikuti drama bersiri iaitu SAYANG KUALA SAYANG yang diarah serta diterbitkan oleh Awg. Maidi Haji Sulaiman.

Drama ini mengesahkan kehidupan dalam masyarakat sebuah perkampungan nelayan iaitu KUALA SAYANG. Setelah kematian Penghulu Bakar setahun lalu, keadaan kampung agak terbiar sedikit. Banyak projek-projek tergendala seperti pembinaan masjid, syarikat kerjasama dan lain-lain.

Cikgu Karim, bekas guru besar dan menantu kepada Penghulu Bakar yang baru saja bersara, telah dilantik menjadi ketua kampung. Kerana keupayaannya yang pernah membantu bapa mertuanya dulu serta pengalamannya sebagai guru besar sekolah, penduduk kampung amat bersetuju dia menjadi Ketua Kampung.

Penuntutan SAMAN ke atas waris peninggalan ayahnya (Penghulu Bakar) adalah juga menjadi isu dalam episod pertama ini.

Drama ini mengemukakan pelakon-pelakon yang terdiri dari Hashim Suhaimi, Rubiah Puteh, Ismail Apong, Pg Omar Pg Damit, Mohd Zun Tajin, Abu Bakar Muli, Hamidah Haji Abu Bakar, Pg Sulaiman Pg Buntar dan Basir Haji Haneffa serta pelakon-pelakon tambahan yang lain.



JAUYAH (Rubiah Puteh) sedang beraksi di dalam drama Sayang Kuala Sayang.

## SANDIWARA RADIO

## BELUM TERLAMB

Oleh: Husain Bakar

SIAPAKAH yang patut disalahkan ji... tercicir dalam pelajarannya ? Perkara ... ditimbulkan oleh penulis Husain Bakar d... yang berjudul BELUM TERLAMBAT untuk ... Sandiwara Radio Minggu Ini.

Watak Asrul yang ditimbulkan oleh pe... merupakan seorang penuntut tingkatan ... lah satu-satunya anak kepada pasangan ... Borhan dan Gayah. Walaupun merupakan ... anak tunggal, mereka menghadapi masalah ... gaimana untuk membimbing Asrul untuk ... orang anak yang berguna.

Apa yang di... Asrul tidak ... lai kasih sayang ... terhadapnya, ... lagi terhadap ... sangat mem... Sebagai seorang ... muda, Asrul ... dan pada penga... ruh yang bole... kan kedudukan... gai seorang pe...

Kerana terpeng... pujukan Hashim, ... disenaraikan seba... penuntut yang ... dari sekolah. Da... sepatutnya berada ... Asrul berada di ... panggung wayang ... wannya. Lebih ... telah menjadi ... rokok.

Bagaimanapun, ... ma melakukan ... terhadap orang ... buatan itu akhirnya ... juga sendiri ... Bermula dari ... mengambil tindakan ... wajar untuk ... perbuatan anaknya ... dan membaiki ...

Dapatkah Asrul ... kesilapannya ... jayakah Borhan ... memperbaiki ... yang sudah ter... dakkah nanti Asrul ... dedah pada penga... ruh lain? Untuk ... kan kepastiannya ... nat ruangan ini ... untuk mengikuti ... pada 6 November ... 10.30 pagi.

Rancangan ini ... oleh Jauyah H...

## Radio Minggu Ini:

# RADIO DENGAN HUBUNGANNYA

RADIO, di samping televisyen, di zaman serba moden ini berperanan sebagai alat perhubungan awam adalah salah satu alat yang cepat dan pantas menghubungkan dengan perantaraan berita antara satu daerah dengan satu daerah; malah antara sebuah negara dengan sebuah negara dalam jarak yang dekat atau antara satu benua dengan benua yang lain dalam jarak yang lebih jauh, sentiasa dapat diwujudkan dengan bantuan peralatan sains dan teknologi moden sekarang.

Ada dua kalimat yang telah ditekankan tadi — berita sebagai intinya dan peralatan teknikal sebagai sandarannya.

Dalam arus pembangunan dan perkembangan seperti negara Brunei Darussalam yang pesat membangun ini, kita tidak lagi kekurangan berita. Khususnya berita tempatan. Dan dengan bantuan alat-alat teknikal moden kita masih mampu membiayai peralatan-peralatan itu sebagai landasan penyiaran. Berkat usaha terus-menerus di bidang teknikal, Radio Brunei selama ini semakin berkembang dalam usaha untuk mencapai tahap yang efisien.

Diharap dengan tenaga-tenaga yang ada, kelengkapan teknikal untuk studio-studio moden yang terdapat di bahagian rakaman radio pada masa ini dengan kelengkapan-kelengkapan yang perlu, telah dapat dilaksanakan untuk menetasi pengulasan masa siaran dan pertambahan rancangan.

Brunei Darussalam, dalam pendapatan negara yang semakin bertambah tentu mampu untuk mengusahakan tambahan kakitangan dan peralatan teknikal yang lebih lengkap untuk perbaikan Jabatan Radio dan Televisyen Brunei yang tentunya mempunyai hubungan untuk mengenalkan negara kecil dan terpencil ini kepada dunia luar.

Imej bangsa dapat diwujudkan dan kekurangan pengetahuan orang luar terhadap Brunei Darussalam akan dapat diatasi melalui perkenalan radio sebagai lambang perhubungan negara ini dengan dunia luar.

Di samping itu, perkenalan ini dengan sendirinya menggundang dan memancing para pelancong untuk bertandang ke negara ini, sebagai usaha menambah pendapatan negara.

Inilah antara lain perkhidmatan kebangsaan radio untuk dunia luar yang mesti disedari bersama.

Secara langsung dalam negara, radio masih mempunyai peranan penting di bidang pemberitaan dan penerangan. Separuh masa warta berita yang diisikan dengan berita-berita tempatan bermaksud untuk jadi perhubungan yang cepat untuk seluruh rakyat Brunei Darussalam.

Di samping berita-berita tempatan dalam siaran-siaran warta berita, pihak radio juga sentiasa menyiarkan pengumuman dan pemberitahuan yang dikirakan sebagai khidmat kebajikan, umpamanya menyiarkan berita keluarga. Dengan ini kami kira boleh dengan cepat menghubungkan antara keluarga yang malang dengan keluarga yang tinggal jauh atau yang diam di ceruk rantau negara ini. Mengumumkan penutupan air dan jalan-jalan raya yang sedang pesat dibina. Dan baru-baru ini menyiarkan air pasang surut dan ramalan cuaca setiap hari bagi kegunaan pelaut-laut yang memerlukan. Orang ramai mendapat faedahnya dan supaya akan mengambil ingatan bagi keperluan sehari-hari.

### Siaran Langsung

**BAHAGIAN Melayu Radio, Brunei, akan membuat ulasan siaran langsung perlawanan bola sepak Polis Tiga Wilayah Brunei, Sabah dan Sarawak pada tarikh-tarikh dan waktu yang tersebut.**

**Hari Khamis, 27 Oktober, 1983, jam 3.15 petang.**

**Hari Jumaat, 28 Oktober, 1983, jam 4.15 petang.**

**Hari Sabtu, 29 Oktober, 1983, jam 3.15 petang.**

**Kesemua perlawanan akan diadakan di Stadium Hassanal Bolkiah Gadong.**

## Rancangan TVP dari 31 Okt. — 5 Nov.

### ISNIN — 31 OKTOBER

PAGI
10.30 KAP KAP UDANG 988.
Dalam rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti BELON SI MANIS, SI AMINAH, DI MANA TEMPATNYA, MINUM, NAIK KUDA, MAIN BANG dan CERMIN SAKTI.

PETANG
4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 988.

### SELASA — 1 NOVEMBER

PAGI
10.30 KAP KAP UDANG 989.
Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti BERLAKUN, BOLA TUMBUK, MINUM, SI MANIS, KATA SI MANIS, HALAMAN BELAJAR dan CERMIN SAKTI.

PETANG
4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 989.

### RABU — 2 NOVEMBER

PAGI
10.30 KAP KAP UDANG 990.
Dalam rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti MAIN MUZIK, PETI SURAT, MINUM, BERSENAM, HALAMAN BINATANG dan CERMIN SAKTI.

PETANG
4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 990.

### KHAMIS — 3 NOVEMBER

PAGI
10.30 KAP KAP UDANG 991.
Rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti MAIN BAKUL, TUNJUK BENDA, MINUM, SI MANIS, LUKISAN DARI RUMAH, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

PETANG
4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 991.

### SABTU — 5 NOVEMBER

PAGI
10.30 KAP KAP UDANG 992.
Dalam rancangan kali ini Cikgu Rokiah dan anak-anak akan membuat aktiviti-aktiviti seperti IKUT KETUA, BELON SI MANIS, MINUM, MAIN KERUSI, SIRI PERMULAAN dan CERMIN SAKTI.

PETANG
4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 992.

*RESIPI MINGGU INI*

## RENDANG SOLDAD

1 Kati udang yang sedang besar, buang kulitnya dan belah dua, tetapi jangan diputuskan.
5 biji kentang dipotong nipis dan digoreng.
10 biji bawang merah dimayang halus dan digoreng.
7 biji buah tomato belah 4, jangan putus, bahagian isinya dikeluarkan.
½ cawan tomato sos.
½ gelas air sejuk.
¼ cawan minyak penumis.
1 tin susu cair.
1 tin kacang peas.
1 sudu kecil gula
garam ikut rasa

Rempah-rempah yang digiling:
10 biji lada kering
1 camca besar jintan manis
1 camca besar jintan putih
4 ulas bawang putih
10 ulas bawang merah
2 biji buah pelaga
1 inci kayu manis
1 inci halia

Cara-cara me...
1. Panaskan ... kuali bila ... miskan ... giling tadi ... baunya.
2. Setelah itu ... ah tomato ... yu keluarkan ...
3. Masukkan ... la telah ... masukkan ... mato sos, ... han perasa ...
4. Bila air ... sedikit ...

Cara Menghidang...
1. Menggunakan ... yang bulat ... kan ditepinya ... tang goreng ... dengan ...
2. Di dalamnya ... cang peas ... tengah-tengah ... udang dan ... bawang goreng ...

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 26 OKTOBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GIGGLESNORT HOTEL
5.30 SPIDERWOMAN : "Pyramids of Terror"
6.00 BERITA AWAL
6.05 MAMA MALONE
6.09 AZAN MAGHRIB
6.19 MAMA MALONE — sambungan
6.30 321 CONTACT : "Growth Decay Tuesday"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BRING 'EM BACK ALIVE : "Seven Keys to Singapore"
7.23 AZAN ISYAK
7.28 BRING 'EM BACK ALIVE — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.55 CERAMAH HIJRAH
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 THREE'S COMPANY
9.45 MAGNUM : "Mister White's Death"
10.35 TAYANGAN GAMBAR : "The Hunters"
Korea 1952. Seorang bekas pilot Perang Dunia Kedua diberi arahan memerintah dalam Perang Korea, bertukar karektar dari penakut kepada cekap. Pelakon-pelakon : Robert Mitchum, Robert Wagner, Richard Egan, May Britt, dan lain-lain.
12.15 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 27 OKTOBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 KIMBA THE WHITE LION : "Scramble Egg"
6.09 AZAN MAGHRIB
6.19 KIMBA THE WHITE LION — sambungan
6.30 WORLD OUT DOORS : "The Long Long Ski Trail"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 VOYAGERS : "All Fall Down"
7.23 AZAN ISYAK
7.28 VOYAGERS — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH HIJRAH
8.45 HIDAYAT
9.15 DUNIA MINGGU INI
9.45 REGGIE JACKSON'S WORLD OF SPORTS
10.45 CHICO AND THE MAN :
11.15 MCLAIN'S LAW : "Requiem for A Narc"
Satu operasi menyeluruh dijalankan apabila seorang penyeludup dadah yang lincah membunuh seorang pegawai narkotik.
12.00 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 28 OKTOBER

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN

PETANG

1.25 ABC WIDE WORLD OF SPORTS
2.15 BRET MAVERICK : "Hidalgo Thing" (Episod terakhir)
3.00 THE INVINCIBLE IRON MAN
3.28 AZAN ASAR
3.31 JOANNIE LOVES CHACHI —
4.00 THE PUPPY'S NEW ADVENTURES
4.25 FILEM RENCANA TEMPATAN : "Panorama" Bhg 5.
4.55 THE ELECTRIC COMPANY
5.10 MANAGEMENT (Ulangan)
5.35 LAVERNE AND SHIRLEY WITH THE FONZ
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.09 AZAN MAGHRIB
6.19 YOU ASKED FOR IT — sambungan
6.30 WIDEWORLD : "Digging On The Past" (Episod terakhir)

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE YOUNG LAWYERS : "False Witness"
Aaron Silverman membela seorang pembantu rumah, Jennie Stevens, yang dituduh mencuri dari majikannya barang-barang kemas berharga $10,000. Aaron percaya Jennie tiada bersalah tetapi harapan tipis untuk dibebaskan kerana Jennie telah didapati menggadai sebahagian dari barang-barang itu.
7.23 AZAN ISYAK
7.28 THE YOUNG LAWYERS — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH HIJRAH
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 DRAMA : "Sayang Kuala Sayang : "Titian Penghubung"
9.45 KNOTS LANDING : "Best Kept Secret"
10.35 THE BEST OF MIDNIGHT SPECIAL
11.15 SUGAR RAY LEONARD'S GOLDEN GLOVES.
12.10 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 29 OKTOBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 THUNDARR THE BARBARIANS : "Attack of The Amazon Women"
6.09 AZAN MAGHRIB
6.19 THUNDARR THE BARBARIANS — sambungan
6.30 JUST KIDDING

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 JOHN DENVER SHOW
7.23 AZAN ISYAK
7.28 JOHN DENVER SHOW — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH HIJRAH
9.15 MARI MEMASAK : "Rendang Soldadu"
Resipinya ada disiarkan di muka 10.
9.45 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA : "Romi dan juli".
11.15 TAYANGAN GAMBAR AKHIR : "The Eddie Cantor Story"
Riwayat hidup Eddie Cantor dari kecilnya hingga kemasyurannya. Pelakon-pelakon : Keefe Braselle, Marilyn Erskine, Aline McMahon, dan lain-lain.
12.45 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 30 OKTOBER

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 FANGFACE : "Space Monster Hishap"
2.45 ARCHIE BUNKER'S PLACE
3.15 BIG LEAGUE SOCCER
3.28 AZAN ASAR
3.31 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
4.00 SMURF
4.30 COMPUTER PROGRAMME No. 5 "The New Media"
5.00 SEVEN BRIDES FOR SEVEN BROTHERS : "Gold Fever"
Ketika mencuci emas untuk menambah wang kerana hendak membaiki atap rumahnya, Guthrie membahayakan dirinya apabila berkerjasama dengan dua pemburu binatang haram yang dicari oleh pihak berkuasa kerana memburu beruang di luar musimnya.
5.45 SPIDERMAN
6.00 BERITA AWAL
6.05 SPIDERMAN — sambungan
6.09 AZAN MAGHRIB
6.19 SPIDERMAN — sambungan
6.30 ALICE : "The Last Review"
Semasa ketiadaan Mal kerana bercuti, Alice mengendalikan niaga di Cafe mereka.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIMON AND SIMON : "The $10,000 Deductible"
Satu pergelutan dengan beberapa perompak telah berlaku dalam penerbangan ketika mana A. J. ditugaskan membawa kiriman intan berharga $450,000. Kejadian itu bukan saja menjejaskan keteguhan Simon and Simon Detective Agency, malahan A.J. dan Rick juga telah menjadi sasaran F.B.I. dalam kes ini.
7.23 AZAN ISYAK
7.28 SIMON AND SIMON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH HIJRAH
8.45 SIARAN LANGSUNG DARI DEWAN RAYA
9.45 FORUM
10.45 TEACHERS ONLY
11.15 SMILEY'S PEOPLE
12.15 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 31 OKTOBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 PIGEON STREET : "Springtime for Hugo"
5.15 SCOOBY AND SCRAPPY DOO
5.40 SHIRT TALES
6.00 BERITA AWAL
6.05 SHIRT TALES — sambungan
6.09 AZAN MAGHRIB
6.19 SHIRT TALES — sambungan
6.30 BLAKE'S SEVEN



REB Brown beraksi sebagai CAPTAIN AMERICA yang dapat ditonton pada tiap-tiap hari Isnin kira-kira jam 9.15 malam.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAPPER JOHN M.D. : "Three On A Mismatch"
Trapper berjumpa Janet Weems di satu perkumpulan jualan lelong. Kepintaran Janet mengkagumkan Trapper.
7.23 AZAN ISYAK
7.28 TRAPPER JOHN M.D. — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH HIJRAH
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 CAPTAIN AMERICA.
10.15 ALL STAR WRESTLING
11.15 THE WINDS OF WAR.
12.15 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 1 NOVEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 PACMAN
5.30 THE GARY COLEMAN SHOW
6.00 BERITA AWAL
6.05 DOKUMENTARI—BILL BURRUD QUEST : "Mysterious Miniature World" Bhg. 1.
6.07 AZAN MAGHRIB
6.17 DOKUMENTARI — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY : "Death Beat"
7.21 AZAN ISYAK
7.26 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH HIJRAH
8.45 ARENA SUKAN
9.45 DYNASTY
10.45 TAYANGAN GAMBAR : "Kate Bliss And The Ticker Tape Kid"
Seorang penduduk Texas meniru kehidupan Robin Hood dengan memimpin sekumpulan peladang untuk menentang seorang tuan punya tanah yang kedekut dan tamak. Tuan tanah itu pula mengupah seorang detektif wanita untuk menyiasat pencuri kambing-kambing dan bank-banknya. Pelakon-pelakon : Suzanne Phlesette, Don Meredith, Tony Randall, Harry Morgan dan lain-lain.
12.25 SIARAN TAMAT.



ADEGAN dari tayangan gambar untuk Selasa depan berjodol KATE BLISS AND THE TICKER TAPE KID.

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Dendang Suria |
| 6.45 | Berita |
| 6.50 | Dendang Suria |
| 7.05 | Panduan Sukan |
| 8.15 | Intisari Rancangan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 12.00–12.45 | Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu-lagu stereo) |
| 12.15 | Mutiara Titah |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Khamis) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 5.45 | Brunei Dalam Sejarah |
| 6.00 | Siri Mukaddam Bingkisan Hari Ini Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.24 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita ... |
| 8.00 pagi | dalam ... luar negeri) |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (tiap-tiap ... Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

### HARI RABU 26 OKTOBER

PAGI: 8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.00 — Lambaran Dari Awda, 11.30 — Dendang Alina Rahman.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Bahas Sekolah-sekolah (SU), 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.36 — Hiburan Petang, 4.00 — Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Taman Bulqis Siri Ke-enam), 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Belia Mewakili Zamannya, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 8.45 — Titian Budaya (SU), 9.00 — Menyusur Pedalaman, 9.30 — Purwara/Citrawara.

### HARI KHAMIS 27 OKTOBER

PAGI: 8.30 — Pertanian (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Hiburan Untuk Adik-adik (SU), 11.00 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan.

PETANG: 2.00—Purbawara/Citrawara, (SU), 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Siaran Langsung Perlawanan Bolasepak antara Polis Tiga Wilayah Borneo 1983.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Tafsir Al-Quran, 9.30 — Lagu-lagu Asli.

### HARI JUMAAT 28 OKTOBER

PAGI: 9.00 — Irama Dakwah, 9.30 — Dunia Wanita, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.00 — Lagu-lagu Dakwah, 12.15 — Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Lagu-lagu Nasyid, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Gema Keroncong, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Hiburan Petang, 3.30 — Siaran Langsung Perlawanan Bolasepak antara Polis Tiga Wilayah Borneo 1983.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.25 — Hiburan Malam, 8.30 — Pilihan Pendengar, 9.00 — Majalah Ugama (SU), 9.30 — Mari Berpantun (SU).

### HARI SABTU 29 OKTOBER

PAGI: 8.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Untuk Adik-adik, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari, 11.30 — Pilihan Pendengar.

TENGAH HARI: 1.30 — Lagu-lagu Dari Filem.

PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Cerpen dan Salokan (SU), 3.45 — Siaran Langsung Perlawanan Bolasepak antara Polis Tiga Wilayah Borneo 1983.

MALAM: 7.00 — Surat Dari London, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Malam Minggu, 9.00 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.30 — Usaha Jaya, 9.45 — Senandung Malam.

### HARI AHAD 30 OKTOBER

PAGI: 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Hiburan, 10.30 — Balai Drama, 11.00 — Kugiran Tanahair, 11.30 — Berbalas Pantun.

TENGAH HARI: 12.00 — Tahniah dan ucap Selamat, 1.00 — Permintaan Hari Minggu.

PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Pesta Pop Minggu Ini, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Irama Gembira, 3.33 — Titian Budaya, 3.45 — Majalah Sukan, 4.15 — Hiburan Petang Minggu, 4.30 — Bujang Si Gandam, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Seni Dan Sastera, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Hiburan/Puspasari (SU), 9.30 — Di Buang Sayang.

### HARI ISNIN 31 OKTOBER

PAGI: 8.30 — Menyusur Pedalaman, 9.00 — Wanita dan Lagu, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Pertanian.

TENGAH HARI: 1.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat (SU), 2.30 — Mari Berpantun, 3.15—Pilihan Juruhebah, 3.35 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Dendang Remaja, 4.30 — Ruangan Kitani, 4.45 — Rampaian Joget, 5.00 — ... wakili Zamannya, 5.15 — ... 5.45 — Kuliah Ugama (SU).

MALAM: 7.00 — Majalah Sukan ... — Hiburan Malam, 8.30 — ... usahaan, 9.00 — Lagu-lagu ... 9.30 — Kutujukan Lagu.

### HARI SELASA 1 NOVEMBER

PAGI: 8.30 — Suara Perajurit (SU) ... Dendang Antarabangsa, 9.30 — ... Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu ... Dangdut, 10.45 — Rampaian ... Lagu-lagu Permintaan Kaum ... 11.30 — Dari Lambaran Awda.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan ... Ria.

PETANG: 2.00 — Kusampaikan ... — Gema Silam, 3.35 — Usaha Jaya ... 4.00 — Gema Keroncong/Puspasari ... — Seni Dan Sastera, 5.00 — ... tiwa, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — ... Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Kitani ... 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — ... Sukaramai, 9.00 — Kugiran ... (SU), 9.30 — Bahas Sekolah-sekolah ...

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

**Wednesday**

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Frank Muir Goes Into: "The Environment" |
| 8.30 | Hello Tomorrow. |
| 9.00 | Popular Classics |
| 9.30 | Feature: Wagner's Ring. An Appreciation Programme 3 — SIEGFRIED |

**Thursday**

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | International Money Programme. |
| 8.15 | Sixty-Minute Theatre: The Nightangale by David Wade |
| 9.30 | Country Club — 64. |

**Fridays/Holidays**

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Fifteen Minute Feature: Lost Civilisation — a series of short feature on 4 ancient civilisations which are now being rediscovered with excavation work: Prog. 4. |
| 11.15 | Light Music From The Netherlands — 671. |
| 11.30 | Children's half hour |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | Cambridge Folk Festival. |
| 12.45 | My Music — 272/436. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 1.15 | Book Club: "Cry the Beloved Country" by Alan Paton — 10/10. |
| 8.00 | The World of Books. |
| 8.30 | Up The Belait River Without A Paddle |
| 9.00 | Perspective |
| 9.30 | A Date with . . . (repeat) |

**Saturday**

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Melody Time. |
| 8.30 | Strictly Instrumental |
| 8.45 | Just A Minute — 279/287. |
| 9.30 | Top of The Pops — 986. |

**Sunday**

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Our Views: A discussion programme with chairlady Hayati Pehin Salleh — prog. 23. |
| 11.30 | Practical World |
| 11.45 | London This Week. |
| 12.00 | A Date with . . . |

P.M.

| | |
|---|---|
| 12.45 | Review of the Week |
| 1.00 | Top of The Pops — 986 (repeat) |
| 1.30 | Close Down. |

STUDENT NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Everest — Actuality recording of 1982 Bonington expedition to climb Mount Everest made by team members during the ascent side 2. |
| 8.30 | Beautiful Music — 44/48. |
| 8.45 | BBC Science Magazine. |
| 9.30 | Drama: The Importance of Being Earnest by Oscar Wilde — a radio production in its original four acts of Wilde's trivial comedy for serious people — Prog. 1. |

**Monday**

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Maigret by George Simenon: Maigret goes Home — 1/6 From the casebook of most famous French Detective in Fiction. |
| 8.45 | The Moody Blues Story Part 3 (side 2 of 2). |
| 9.30 | A Paly On Words — 18. |

**Tuesday**

POP MUSIC NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You |
| 9.00 | In Sentimental Mood |
| 9.30 | Stereo Pop Special "The Jam" Side 2. |

**Daily**

A.M.

| | |
|---|---|
| 6.30 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.32 | Quran and It's translation |
| 6.40 | Brunei's AM. |
| 7.00 | Local News, weather forecast, tide times and Brunei In History. |
| 7.05 | Brunei's AM (continued) |
| 11.00 | Ladies At Eleven — except Friday and Sunday. |
| 12.00 | Lunch Break — except Friday and Sunday. |
| 12.30 | News, followed by Weather Forecast, Sidelines and Brunei In History. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 9.15 | News. |

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI JABATAN KEHUTANAN, BRUNEI

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenohi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Kehutanan, Brunei.

1. PEMANDU MOTOR SANGKUT:

Tanggagaji: F. 2-3-4 EB. 5 — $390-$560 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 18 tahun ke atas dan sekurang-kurangnya lulus Darjah IV dan boleh menulis dan membaca. Keutamaan akan diberi bagi pemohon yang mempunyai pengalaman dalam menjalankan motor sangkut dan juga boleh membaiki kerosakan-kerosakan yang kecil.

b) Pemohon mestilah sihat dan berbadan tegap, mempunyai penglihatan yang baik dan lulus peperiksaan mata. Pemohon hendaklah boleh berenang tidak kurang 220 ela dengan cara bebas.

c) Pemohon mestilah sanggup bekerja di mana-mana daerah yang diatorkan.

Am:

Pemohon yang berjaya akan ditempatkan di Pejabat Hutan Daerah Temburong.

2. PEMANDU KERETA TINGKAT KHAS:

Tanggagaji: E. 2-3 EB. 4 — $470-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon mestilah berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membacca.

b) Pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagai Pemandu sekurang-kurangnya selama 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat I.

c) Pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas III dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan kerosakan kecil.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

Am:

Pemohon yang berjaya akan bertugas di Balai Pemeriksa Barang-Barang Hutan di Sungai Liang. Rumah dan Kenderaan tidak akan disediakan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 17 Nobember, 1983.

(E/1167/78)

(Bil: 210/1983)

## TENDER NOTICE

### SUPPLY OF VEHICLES TO THE GURKHA RESERVE UNIT

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, State of Brunei for the supply of the following: —

a. Six Units (6) 3 Ton Truck. To the following specifications: —

2000cc petrol engine.
4.300 flat bed body.
Folding side bench seats.
Heavy Duty Green canvas canopy on steel frame. Canopy to fully enclose front and sides of body and to have roll down back flap to cover rear of body.

One unit to be fitted with Power Take Off Winch with capability of rear pull capacity of not less than 2000 Kg and two rear Stand Supports.

b. Four Units (4) 15 Seater Minibus. 1800cc petrol engine.

c. Two Units (2) Small pickup truck. To the following specifications: —

1600c petrol engine.
Four Wheel Drive.
Folding side bench seats to provide seating for 10 adults.

Heavy Duty Green canvas canopy on steel frame to fully enclose front and sides of body and to have roll down back flap to cover rear of body.

d. One Unit (1) Holder Commodore SL Station Wagon Model 8VK35. 1900cc petrol engine with airconditioner and the following additional accessories: —

C25 Tailgate window wiper.
U19 Miles Speedometer.

e. Two Units (2) "Landrover/Landcruiser". To the following specifications: —

Long Wheel Base Hard Top.
4 Wheel Drive.
Engine: Not less than 4200cc petrol.
Seating required for not less than 10 adults.
Front and Rear Vent windows.

f. Three Units (3) "Jeep". To the following specifications: —

Hard Top.
4 Wheel Drive.
Engine: Not less than 1600cc petrol.
Seating required for not less than 6 adults.

2. All vehicles to be provided with safety belts for front seats, standard tool kits, and Fire Extinguishers.

3. All vehicle are required to be finished with three coats of Gurkha Reserve Unit Green paint.

4. All vehicles to be quoted with and without "Tuff Kote".

5. All vehicles to be quoted on a CIF Brunei basis.

6. Date of delivery to be stated.

7. Tenders must be contained in a plain sealed envelope with no indication of the name of the tenderer. The envelope should be marked "Supply of Vehicles to The Gurkha Reserve Unit" in the top left hand corner.

8. Tenders should be placed in the Tenders Box situated outside the office of the State Financial Officer on the Ground Floor of the Secretariat Building Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 7 November 1983.

9. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tenders.

## JABATAN PELAJARAN

### TAWARAN BAGI MENGENDALIKAN KEDAI2 KECIL DI SEKOLAH2 MENENGAH/MAKTAB2

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Kantin/Kedai-kedai Kecil dan mereka yang berminat untuk mengendalikan perniagaan tersebut di atas di sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab yang disenaraikan berikut: —

1. Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong
2. Pusat Tingkatan Enam, Gadong
3. Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin
4. Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/ Sekolah Sains
5. Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri
6. Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam
7. Sekolah Inggeris Berakas
8. Sekolah Menengah Sungai Kebun
9. Sekolah Menengah Melayu Bendahara Sakam, Bunut
10. Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Tutong
11. Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong
12. Maktab Anthony Abell, Seria
13. Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria
14. Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait
15. Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait
16. Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar

Tawaran-tawaran hendaklah dibuat dengan mengirimkan borang yang boleh diperolehi dari Pejabat Pelajaran di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Brunei. Cagaran tawaran adalah sebanyak $50.00. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan ditulis dengan terang "TAWARAN BAGI MENGENDALIKAN KEDAI-KEDAI KECIL DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DAN MAKTAB-MAKTAB" tanpa menunjukkan identiti penawar. Tawaran-tawaran hendaklah ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara, di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 7 Nobember, 1983.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan itu tidak akan dilayan.

## SEBAGAI AHLI BOMBA

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

1. AHLI BOMBA:

**Kelayakan:**

a) Umur: Antara 18 hingga 28 tahun.

b) Tinggi: Sekurang-kurangnya 5' 4".

c) Pelajaran: Calon-calon hendaklah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III atau yang sebanding dengannya dan hendaklah fasih dalam Bahasa Inggeris [illegible] supaya dapat melaksanakan tugas-tugas Bilik Kawalan Kecemasan. Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai kelulusan pelajaran yang lebeh tinggi.

d) Pemohon-pemohon hendaklah mempunyai lesen memandu Kelas III dan sebaik-baiknya Kelas V juga. Sihat dan lulus peperiksaan doktor

**Latihan:**

Calon-calon yang berjaya dikehendaki menjalani latihan sekurang-kurangnya selama 6 bulan di Brunei. Tertaklok kepada kejayaan dalam mungkin dihantar ke seberang laut untuk latihan keahlian latihan tersebut. Calon-calon bomba (Firemanship Training) untuk membolehkan mereka memperolehi kelayakan dalam tugas-tugas menyelamat dan mencegah kebakaran kapal terbang.

Setelah ditetapkan dalam jawatan masing-masing, mereka yang telah berjaya menamatkan latihan keahlian bomba (Firemanship Training) serta memperolehi sijil kecekapan (Certificate of Competency) termasuk "Class V Driving Operation" dan menjalankan tugas-tugas "operations" sepenuhnya akan dinaikkan ke tangga gaji P. 2.

**Masa Bertugas:**

Kakitangan yang berkhidmat dengan Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang dikehendaki bekerja bergilir-gilir (shift) atau pada waktu-waktu lain yang diperlukan untuk menjamin supaya Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang dapat memberi khidmat yang cekap.

**Tanggagaji P. 1 EB. 2:**

Rekrut $375.00 sebulan serta Elaun 'P' $100.00 [illegible] $100.00 sebulan

Setelah tamat tempoh perkhidmatan yang memuaskan selama 6 bulan, calon-calon akan dilantik sebagai Ahli Bomba dengan gaji $480.00 sebulan dalam tangga gaji $480-$600 sebulan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 19 Nobember, 1983.

(E/762/72)

(Bil: 169/1983).

## RBMR TENDER NOTICE

### TENDER No. 68/1983

SUPPLY OF ELECTRICAL FITTINGS PERWIRA CLASS HALF LINE REFIT.

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.

2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Buildings, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 7th November, 1983.

3. Samples are to be provided where possible. Should samples not be available then brochures or other descriptive literature is to be forwarded to Procurement Section RBMR to arrive not later than the closing date of the tender. Local photographs are not acceptable.

4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Bolkiah Camp, during normal working hours. (0730 to 1230 and 1400 to 1630 Mondays to Thursdays. 0730 to 1130 Fridays. Saturdays and Sundays closed).

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any offer.

### TENDER No. 69/1983

SUPPLY OF BERETS GREEN TO RBMR.

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.

2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the ground floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 1200 noon, on Monday 21st November, 1983.

3. Samples are to be provided where possible. Should samples not be available then brocures or other decriptive literature is to be forwarded to Procurement Section RBMR to arrive not later than the closing date of the tender. Local photographs are not acceptable.

4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Bolkiah Camp, during normal working hours. (0370 to 1230 and 1330 to 1630 Mondays to Thursdays. 0730 to 1130 Fridays. Saturdays and Sundays closed).

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sebagai Jurutera

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai JURUTERA di Jabatan Radio dan Televisyen, Brunei.

Tanggagaji: B. 2 EB. 3 — $1975-$3640 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**
Hanya pemohon-pemohon yang mempunyai Ijazah/ Diploma Tertinggi atau sebanding dengannya dalam bidang elektronik, perhubungan atau kejuruteraan elektrik atau yang telah mendapat latihan kemahiran sebelumnya dalam bidang teknologi penyiaran saja yang akan dipertimbangkan.

Mempunyai pengalaman dalam peringkat tertinggi di bahagian Teknikal RTB atau lain-lain perbadanan Penyiaran juga akan dipertimbangkan sebagai menggantikan kelulusan akademik, bagaimanapun dalam hal ini, pengalaman dalam bidang penyiaran hendaklah mencapai tidak kurang dari 10 tahun atau sekurang-kurangnya 5 tahun memegang tanggungjawab terkanan dalam bidang ini.

**Tugas-tugas:**
Bertanggungjawab terhadap Jurutera Pengawas atau yang diarahkan oleh Jurutera Penguasa bagi kerja-kerja pengawasan dan aspek-aspek pemeliharaan kemahiran dalam bidang Teknikal RTB.

**Syarat-syarat Lantikan:**
Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama 3 tahun. Pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, faedah-faedah termasuklah tambang perubatan, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% setelah sempurna tamat kontrek.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan mestilah dibuat dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 8 Disember, 1983.

(E/75/75)

(Bil: 208/1983).

## DEPARTMENT OF AGRICULTURE TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, for the supply of the following to the Department of Agriculture, Brunei:—

1. One Unit MF 275 Tractor or equivalent.
2. One Unit 3½ Ton Tipping Trailer.
3. One Unit 1 Ton Spinner Broadcaster.
4. One Unit MF 21 Grader Blade or equivalent.
5. One Unit Howard RS60 Rotaslasher or equivalent.
6. One Unit MF 14 Jib Crane or equivalent.
7. One Unit MF 1 Post Hole Digger or equivalent.
8. Three Units Howard HL60 Rotavator or equivalent.
9. Three Units Howard AR60 Rotavator or equivalent.
10. Two Units MF 765 Disc. Plough (2-Disc) or equivalent.
11. Two Units Star MDP262C-G Disc Plough or equivalent.
12. Two Units Agad Model C Thresher or equivalent.
13. Twelve Units Yanmar YT 5000 Powertiller or equivalent.
14. Four Units Rover Rancher 1744/170 Ride-On Grass Mower or equivalent.
15. One Unit Agria 5300 Cutterbar Mower or equivalent.
16. One Unit Small Electric Welder Machine.
17. Twenty Units Yanmar AN-11 Two-[illegible] equivalent.
18. Three Units Gascoigne's 'Fourpoint' [illegible] complete with weighing Scale or [illegible]
19. One Unit 650mm Lathe Machine [illegible] vertical milling, drilling unit, stand [illegible] guard.
20. 2 Units HONDA BG1800Z Portable [illegible] equivalent.
21. One Unit Kubota KH-20L Small Hydr[illegible]tor complete with dozer or equival[illegible]

2. General Conditions of the Tender and further [illegible] and details of the specifications of the above items [illegible] able from Agricultural Officer (Engineering), at the [illegible]ment of Agriculture Workshop, Kilanas, Mile [illegible] tong, Tel: 61352/353/354.

3. Successful tenderers are required to [illegible] Books, Workshop Manuals and Instructions Book [illegible] the delivery of the stated items.

4. Approximate date of delivery and warranty [illegible] be stated. All items are to be delivered to the [illegible] of Agriculture Workshop, Kilanas, Brunei, after [illegible] inspection and tests by the Agricultural Officer [illegible]

5. Tenders should be submitted under plain [illegible] marked "SUPPLY OF FARM MACHINERY AND [illegible]MENT-AGRICULTURE DEPARTMENT—CO[illegible]TIAL", to the Chairman, Tenders Board, Brunei [illegible] than noon on Monday, 7 November 1983.

6. The Government of Brunei does not bind itself [illegible] the lowest or any tender.

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Pegawai Kewangan Negara di Tingkat Bawah Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan) kecuali hari kelepasan awam.*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Brunei, Bandar Seri Begawan, Brunei.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### BIL. 375 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN TAMBAHAN DUA DAN ENAM BUAH BLOK BILIK DARJAH (PERINGKAT KE-7) DI ISTANA EDINBURGH, BANDAR SERI BEGAWAN."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 Oktober, 1983.

Tarikh tutup: 31 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL. 376 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk:

PROJEK: PEMBINAAN 5 BLOK X 12 UNIT RUMAH PANGSA KELAS 'E' DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA PERINGKAT KE-VIII DI JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BANDAR SERI BEGAWAN."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 Oktober, 1983.

Tarikh tutup: 31 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (ukisan).

### BIL. 377 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: PEMBINAAN DAN PENYIAPAN SATU BLOK 2 TINGKAT BILIK DARJAH BAGI ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI DI TUTONG KEM."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 Oktober, 1983.

Tarikh tutup: 31 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 378 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' dan ke atas untuk:

PROJEK: CADANGAN PUSAT LATIHAN TELEKOM (PERINGKAT KE-III) DI LAPANGAN TERBANG LAMA, BANDAR SERI BEGNWAN, BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 Oktober, 1983.

Tarikh tutup: 31 Oktober, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL. 379 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk:

PROJEK: "KELAB JUNIOR RANKS BAGI ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI DI PENANJONG CANTONMENT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Sabah Akitek dan Rakan, Rm 403, Bangunan Guru-Guru Melayu, P.O. Box 2316, Bandar Seri Begawan, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 3 November, 1983.

Tarikh tutup: 14 November, 1983.
Cagaran tawaran: $1,000.00.

### BIL. 380 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk:

PROJEK: "PEMBESARAN SISTEM TALIAIR YANG ADA DI KAMPUNG MATA-MATA."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam 4.00 petang hari Khamis 3 November, 1983.

Tarikh tutup: 7 November, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL. 381 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "PEMBINAAN GUDANG DAN [illegible] SIMPANAN MUATAN DI PELABUHAN [illegible] BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh [illegible] didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam [illegible] hari Khamis 3 November, 1983.

Tarikh tutup: 7 November, 1983.
Cagaran tawaran: $1,000.00.

### BIL. 382 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembo[illegible] borong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: "CADANGAN PEMBESARAN KOM[illegible] 748 No. 2 SQN. YANG ADA SEKARANG [illegible] PANGAN TERBANG ANTARABANGSA, B[illegible]

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh [illegible] didapati di Booty Edwards dan Rakan-Rakan, 146 [illegible] mancha, P. O. Box 65, Bandar Seri Begawan, Brunei [illegible] jam 4.00 petang hari Khamis 10 November, 1983

Tarikh tutup: 14 November, 1983.
Cagaran tawaran: $1,000.00.

### BIL. 383 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembo[illegible] borong Kelas "A" untuk:

PROJEK. "PEMBINAAN 4 BLOK 12 UNIT [illegible] PANGSA KELAS 'E' JENIS STANDARD [illegible] SUAI (GELARAN RUMAH PANGSA BAGI [illegible] MELAYU DIRAJA BRUNEI (3 JENIS [illegible] DI KEM BERAKAS ASKAR MELAYU [illegible] BRUNEI."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh [illegible] didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam [illegible] hari Khamis 3 November, 1983.

Tarikh tutup: 7 November, 1983.
Cagaran tawaran: $1,000.00.

### BIL. 384 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembo[illegible] borong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: PEMBAHARUAN DAN PEMBES[illegible] KLINIK BAHAGIAN PESAKIT LUAR, [illegible] PERUBATAN, PERGIGIAN DAN MATA [illegible] DICADANGKAN DI RUMAH SAKIT DA[illegible] TUTONG."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh [illegible] didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam [illegible] hari Khamis 3 November, 1983.

Tarikh tutup: 7 November, 1983.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL. 385 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembo[illegible] borong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK: "MEMBAHARUI SEMUA TILAM [illegible] GETAH, BAGI TEMPOH SELAMA SET[illegible]

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh [illegible] didapati di Pejabat Kerja Raya, Brunei hingga jam [illegible] hari Khamis 3 November, 1983.

Tarikh tutup: 7 November, 1983.
Cagaran tawaran: $200.00.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI PELATIH TEKNIK

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PELATIH TEKNIK di Jabatan Telekom, Brunei.

Tanggagaji: E.1-2-3 EB.4 — $410-$700 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 30 tahun.

b) Pemohon-pemohon mestilah lulus Brunei Cambridge G.C.E peringkat 'O' dalam aliran Inggeris atau yang sebanding dengannya dan mendapat kepujian dalam mata-mata pelajaran Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan sama ada Physics atau Sains Am.

c) Calon-calon yang berjaya akan diambil berkhidmat dalam percubaan selama 3 tahun. Dalam tempoh dua tahun yang pertama calon-calon akan dikehendaki menjalani latihan kejuruteraan Telekom di Brunei dan sesudah berjaya menamatkan latihan tersebut serta tertakluk kepada laporan-laporan yang memuaskan, calon-calon akan dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Teknik (Technical Officer) dengan gaji permulaan sebanyak $860/- sebulan dalam sukatan gaji D. 3-4 EB. 5-6 — $720-755-790-825-860-900 - 980-1010-1040 - 1070-1105 - 1140-1175/EB/1200 - 1230 - 1260-1290-1320-1350-1380 - 1410.

d) Sekiranya calon-calon tidak berjaya menamatkan latihan selama dua tahun itu pertimbangan mungkin akan diberi untuk mengekalkan calon-calon untuk berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Teknik (Technical) dalam sukatan gaji D. 2-3 EB. 4-5—$515-535 - 555 - 580-605-630-655-720-755-790-825-860 - 900 / EB / 980-1010-1040 - 1070-1105-1140-1175-1200-1230 - 1260-1290.

e) Keutamaan akan diberi kepada mereka yang sedang berkhidmat sebagai Pelatih Teknik bergaji di Jabatan Telekom dan pernah menjalani latihan-latihan kejuruteraan Telekom.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 24 November, 1983.

(E/710/72)

(Bil: 215/1983)

## Sebagai Penyunting Filem

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai PENYUNTING FILEM di Jabatan Radio dan Televisyen, Brunei.

Tanggagaji: C. 2-3 EB. 4 — $1260-$2280 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mempunyai Sijil atau Diploma yang bersesuaian, atau

b) Lulus dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa termasuk mata Pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Sastera serta mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam penyuntingan filem televisyen setelah menjalani latihan khas atau aprentis.

c) Dapat membuktikan kebolehan bekerja sendiri dalam tugas-tugas besar.

d) Mestilah faseh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

e) Calon-calon yang khusus bertugas dalam Penyuntingan ENG/Video akan juga dipertimbangkan.

**Tugas:**

Calon yang berjaya akan ditugaskan kepada Penyunting Filem Kanan (Rancangan atau Berita & Hal Ehwal Semasa) bagi tugas-tugas seharian atau tempoh jangka panjang berhubung dengan rancangan televisyen.

Semasa bekerja sendiri, Penyunting Filem bertanggungjawab bagi menyunting rancangan-rancangan bersiri atau tunggal di bawah arahan seorang penerbit.

Dibahagian Berita, Penyunting Filem diperlukan menyunting bahan-bahan ENG menggunakan alat Sony High Band U-Matic.

**Syarat-syarat Lantikan:**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama 3 tahun. Pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonos juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% setelah sempurna tamat kontrek.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan mestilah dibuat dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 16 November, 1983.

(E/919/75)

(Bil: 203/1983)

## PUSAT LATIHAN TEKNIKAL BRUNEI, JALAN MUARA

### (KURSUS UNTUK BULAN JANUARI 1984)

PEMOHON-pemohon adalah dipelawa daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bagi mengikuti kursus yang tersebut di bawah: —

| JENIS KURSUS | TEMPOH MASA KURSUS | KELAYAKAN MASUK |
|---|---|---|
| RADIO, TELEVISION DAN ELECTRONICS | 1½ Tahun Penuh Masa | Lulus BJCE dengan kepujian di dalam Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Science. Calon-calon yang lulus G.C.E. peringkat 'O' di dalam mata pelajaran yang tersebut di atas adalah diutamakan. |

Keterangan lanjut dan borang-borang permohonan boleh diperolehi daripada Pengetua-Pengetua Pusat Latihan Teknikal Brunei, Jalan Muara, Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait dan Bahagian Pelajaran Teknikal, Jabatan Pelajaran Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Tarikh tutup menerima permohonan ialah 31 Oktober, 1983.

## SEBAGAI KERANI TINGKAT III

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai KERANI TINGKAT III di dalam perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Pemohon mestilah telah mencapai umur 18 tahun ke atas.

b) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya satu mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya.

c) Mereka-mereka yang telah menduduki Tingkatan 5 akan juga dipertimbangkan.

d) Pemohon yang tidak mempunyai kelayakan di (b) di atas, tetapi telah berkhidmat sebagai pelayan atau jawatan yang seumpamanya yang telah lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan Peperiksaan Kerani-Kerani Rendah Kerajaan boleh juga dipertimbangkan.

e) Mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam perkhidmatan bergaji hari dan telah lulus peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan peperiksaan Kerani-Kerani Rendah akan juga dipertimbangkan.

f) Mereka yang mempunyai Sijil Menaip dan Trengkas adalah diberi keutamaan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 10 November, 1983.

(2744/62/5)

(Bil: 206/1983)

## TAWARAN PEJABAT PERKHIDMATAN2 ELEKTRIK

### TAWARAN BIL. 97/1983

Tajuk Kerja: TAWARAN SEMULA BAGI PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK AUDITORIUM DAN KUTUB KHANAH DI BERAKAS ENGLISH SCHOOL, BRUNEI.

Tarikh tutup: 31 Oktober, 1983 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan bagi Pemborong: Internal Wiring Kelas "B".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

### TAWARAN BIL. 101/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan elektrik yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 7 November 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

"PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI BILIK DARJAH TAMBAHAN UNTUK SEKOLAH MELAYU RAMPAYOH, DAERAH BELAIT."

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan - penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Brunei.

Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $200.00 adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya menghantar tawaran yang baik.

### TAWARAN BIL. 102/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong pemasangan Elektrik yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B', yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 7 November 1983 bagi kerja-kerja berikut:—

"PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI 1 BLOK KELAS 'E' FLAT DAN 1 BLOK KELAS 'F' FLAT BERTEMPAT DI SEKOLAH MELAYU PANAGA, SERIA."

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Perkhidmatan-perkhidmatan Letrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas.

Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $200.00 adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya menghantar tawaran yang baik.

### TAWARAN BIL. 103/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan elektrik yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat dj Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 7 November 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

"PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI BILIK DARJAH TAMBAHAN UNTUK SEKOLAH MELAYU LUMUT, DAERAH BELAIT."

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan - penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Brunei.

Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $200.00 adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya menghantar tawaran yang baik.

### TAWARAN BIL. 104/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong pemasangan Elektrik yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B', yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 28 November, 1983 bagi kerja-kerja berikut:—

"PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI 1 BLOK BANGUNAN TAMBAHAN UNTUK MAKMAL SAIN BAGI MAKTAB ANTHONY ABELL, SERIA."

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan - penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Brunei.

Cagaran tawaran (tender deposit) sebanyak $200.00 adalah dikehendaki dibayar oleh pemborong-pemborong yang hendak menghantar tawaran. Cagaran tawaran ini akan dikembalikan kepada semua pemborong-pemborong yang tidak berjaya menghantar tawaran yang baik.

### TAWARAN BIL. 105/1983

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK KOMPLEKS SUKAN BARU, DI MAKTAB SOAS, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tarikh tutup: 14 November, 1983 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan bagi Pemborong: Internal Wiring Kelas "A" dan "B".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

### TAWARAN BIL. 110/1983

Tajuk Kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK MAKTAB S.O.A.S. BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tarikh tutup: 24 Oktober, 1983 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $500.00.

Kelayakan bagi Pemborong: Internal Wiring Kelas "A".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

### TAWARAN BIL. 111/1983

Tajuk Kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK S.T.P.R.I., BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tarikh tutup: 24 Oktober, 1983 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $500.00.

Kelayakan bagi Pemborong: Internal Wiring Kelas "A".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

### TAWARAN BIL. 112/1983

Tajuk Kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK S.M.J.A., BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tarikh tutup: 24 Oktober, 1983 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $500.00.

Kelayakan bagi Pemborong: Internal Wiring Kelas "A".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

ARANad



PESURUHJAYA Tanah, Dato Paduka Haji Abdullah membuka tirai ketika merasmikan kapal M.V. 'Bulan Mashhor' di atas kapal tersebut, di sebelah beliau ialah Pengarah Urusan Jackson Marine Mashhor, Malai Abd. Hamid bin Malai Haji Mashhor.

# KEPERCAYAAN K UGAMA SEMAKI BERKURANG

SERASA. — Kepercayaan manusia kepada ugama pada umumnya semakin berkurang malah ada setengah masyarakat yang tidak memerlukan ugama sebagai cara hidup yang lengkap.

Bagi setengah masyarakat kalaupun ada ingatan kepada ugama ianya semata-mata dihubungkan dengan ibu bapa dan nenek moyang mereka di zaman silam.

Dato Paduka Awang Haji Basir bin Taha, bekas Penguasa Pelajaran Melayu Brunei berkata, faktor yang telah banyak mengubah sikap dan pandangan umat manusia kepada ugama ialah perkembangan dan kemajuan kebendaan. "Walau bagaimanapun ugama Islam di negara ini semakin bertambah kuat dan kukuh di mana syiar Islam semakin hidup dan berkembang," jelasnya.

Beliau berucap demikian sejurus sebelum merasmikan pembukaan bangunan baru Sekolah Ugama Pengiran Muda Abdul 'Azim Kampung Serasa, Muara, pada hari Ahad yang baru lalu bersempena awal Tahun Hijrah 1404.

### CARA HIDUP

Ini tambah beliau, dapat dilihat dari usaha-usaha yang telah diungkayahkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada meningkatkan lagi nilai-nilai ugama untuk mendaulatkan ugama Islam di negara ini sebagai cara hidup yang lengkap.

Dato Paduka Awang Haji Basir menegaskan, pelajaran ugama perlulah diberi kedudukan yang tinggi dalam alam persekolahan dan jangan ada fikiran-fikiran cuba menyarankan bahawa pelajaran ugama hanya layak dijadikan pelajaran tambahan di sekolah-sekolah.

### JADIKAN TAPAK

Pelajaran ugama tambahnya, patutlah dijadikan asas atau tapak kepada pendidikan setiap kanak-kanak supaya bila ia dewasa nanti akan dapat melayakkan dirinya sebagai seorang Islam yang sebenarnya. Kerana katanya, walau bagaimana tinggi ilmu pengetahuan seseorang itu, dia akan tetap berfikir, berperasaan dan ber-

tindak secara ...

Majlis pada ... dimulakan dengan ... Al-Quran oleh ... bin Pg. Haji ... diikuti oleh ... dari Ketua Pegawai ... Ugama, Ustaz ... Amin bin Pehin ... ma Dewa Awang ... Rahim.

Majlis diselajurkan ... penyampaian hadiah ... pemenang-pemenang ... duan Tulisan ... Sekolah-Sekolah Ugama ... dah Peringkat Negara ... tahun 1983 yang ... disempurnakan ... Paduka Awang Haji ...

### KEPUTUSAN PE...

Berikut ialah ... peraduan tulisan ... Sekolah-Sekolah Ugama ... dah Peringkat Negara ... 1983 yang diadakan ... pembukaan sekolah ... tersebut. Bahagian ... 1. Suwardy ... Metussin SU ... Jufri bin Yusof ... Masna ptg. 3. Md ... Yusof SU. Bengkurong ...

Bahagian Darjah ... Zaleha bte ... Sengkurong ptg. 2. ... Muhammad, SU ... Kiulap, 3. Asmah ... SU. PKN. Bt. Besar ...

Bahagian Darjah ... Noorismizan bte ... PAP. Masna ptg. ... Yusof bin Salleh SU ... Surinah bte ... Keriam.

Bahagian Darjah ... Alina bte Omar ... M.H. Bolkiah. 2. ... Md. Yassin. SU ... Azim, 3. Md. Ali ... Hj. Abang. SU ...

Bahagian Darjah ... Sallehuddin bin ... PAP. Masna ptg. 2. ... mad bin Abu ... PAP. Norain Pg. ... bin Sabtu, SU. PAP ... ptg.

Bahagian Darjah ... Sallehan bin Hj. ... PAP. Masna ptg. ... Khalifah bin Pg. ... PAP. Masna ptg. ... bte Sahari, SU ...

## Beri peluang peniaga tempatan

(Dari muka 1)

Beliau berharap usahasama niaga antara Haji Malai Mashhor General Contractor dengan Jackson Marine Corporation akan dapat bertapak dengan baik di negara ini di samping mewujudkan persefahaman dan berusaha meluaskan di bidang-bidang perniagaan yang lain yang mempunyai potensi keuntungan yang lebih besar.

Terdahulu dari itu ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Malai Abd. Hamid bin Malai Haji Mashhor, Pengarah Urusan Jackson Marine Mashhor dan juga selaku wakil Malai Haji Mashhor General Contractor. Doa selamat dibacakan oleh Mudim Haji Zainuddin bin Pehin Siraja Khatib Dato Setia Haji Mohd. Tamin.

Antara yang hadir ialah pegawai-pegawai Kerajaan, pegawai-pegawai Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad dan pegawai-pegawai bank. Di akhir majlis tetamu kehormat dan para jemputan diberi peluang melihat keadaan dalam kapal tersebut.

## Naik pangkat

KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan memaklumkan kenaikan pangkat bagi 195 Leftenan Mohd Alipah bin Haji Awang Murah dari Unit Cawangan Udara kepada pangkat kaptan bermula pada 18 Oktober 1983.

## Angka tunjuk harga

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka Tunjuk Harga Barang-Barang Pengguna bagi bulan September ialah 139.2 dan ini adalah lebih tinggi sebanyak 0.5% daripada bulan yang terdahulu iaitu bulan Ogos. Angka tunjuk bulan ini adalah juga lebih tinggi sebanyak 0.2% jika dibandingkan dengan angka tunjuk bulan September, 1982.

Kenaikan angka tunjuk bulan ini adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan angka tunjuk kumpulan-kumpulan 'Makanan' (+1.1%), dan 'Barang-Barang dan Perkhidmatan Rampaian' (+0.1%). Angka tunjuk lain-lain kumpulan masih tetap tidak berubah.

Sebahagian dari barang-barang yang menyebabkan kenaikan angka tunjuk bulan ini ialah tepung gandum, dan peralatan dan keperluan-keperluan bagi pemeliharaan diri. Harga ikan basah juga pada keseluruhannya telah naik menjadikan angka tunjuknya meningkat kepada 4.8%. Sementara harga-harga buah betik, nanas dan limau manis pula adalah lebih murah dan angka tunjuk bagi kumpulan kecil ini turun sebanyak 0.8%. Tetapi bagi kubis cina, timun, kacang panjang dan terung, harga-harganya adalah lebih mahal dan ini menjadikan angka tunjuk kumpulan kecil 'Sayur-sayuran dan barang-barang sayur-sayuran' naik sebanyak 0.2%.

## Y.D.P Negeri Melaka pulang

(Dari muka 1)

Hadir sama di istiadat perpisahan itu ialah T.Y.T. Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei Awang Francis Cornish; Y.T.B. Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa; Pemangku Menteri Besar, Y.A.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz; Pemangku Setiausaha Kerajaan, Y.B Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



## Kutipan Zakat Harta

BANDAR SERI BEGAWAN — Majlis Ugama Islam Brunei mengeluarkan kenyataan mengenai kutipan Zakat Harta penduduk berugama Islam seluruh negara dalam masa lima tahun iaitu dari tahun 1978 hingga 1982 yang diterima oleh majlis tersebut.

Menurut kenyataan tersebut tahun 1978 seramai 43 orang telah berzakat dengan kutipan sebanyak $34,637.05. Kutipan 1979 sebanyak $91,681.10 dari 87 orang yang berzakat. 1980 kutipan berjumlah $300,370.53 telah diperolehi dari 212 orang, manakala 1981 orang berzakat semakin meningkat iaitu seramai 306 orang menghasilkan $329,559.07 dan pada tahun 1982 kutipan meningkat $412,822,64 dari 391 orang pengeluar zakat.

## Tambang hujung minggu naik

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan Syarikat Penerbangan Singapura mengumumkan kenaikan tambang hujung minggu ke Singapura.**

**Mulai 1 November, 1983 tambang tersebut akan dinaikkan sebanyak $18.00 yang menjadikan tambang hujung minggu ke Singapura kepada $416.00 pergi dan balik.**

**Lain-lain tambang biasa pergi dan balik ke Singapura tidak berubah.**

## Konsul Menetap A.S

**KONSUL Menetap Amerika Syarikat telah memulakan tugas-tugas di negara ini awal minggu lepas. Awang Douglas V. Ellice yang menerima lantikan tersebut bagi negaranya telah sampai ke negara ini pada Rabu, 19 Oktober yang baru lalu dan ditemani oleh keluarga beliau.**

**Ketibaan Awang Douglas V. Ellice dan keluarganya disambut oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Diplomatik di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas.**

**Kelihatan dalam gambar Konsul tersebut (kiri) yang juga ditemani oleh seorang pegawai (berjabat tangan) dialu-alukan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Diplomatik sejurus ketibaannya di lapangan terbang.**

## Haramk... kemasu... kerbau, le... dan anji...

JABATAN ... Brunei telah ... haramkan ... lembu-lembu, ... kerbau dan ... dari seluruh Ind...

Ini adalah ... laporan bahawa ... mulut dan kuku ... penyakit anjing ... kalangan binatang ... berkenaan ... tersebut.

DITERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIAUSAHA KERAJAAN DAN DICETAK OLEH JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN BRUNEI.